



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI KELANTAN TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vi
BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	36
BAHAGIAN III : RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan	37
BAHAGIAN IV : PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/ AGENSI NEGERI	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	40
Objektif Pengauditan	41
Skop Dan Kaedah Pengauditan	41
Penemuan Audit	42
Rumusan Dan Syor Audit	54

**BAHAGIAN V : PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI,
PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS
AGAMA ISLAM**

Pendahuluan	56
Pengauditan Penyata Kewangan	56
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	57
Persijilan Penyata Kewangan Tahun 2006	59
Pembentangan Penyata Kewangan	60
Prestasi Kewangan	61
Rumusan Dan Syor Audit	64

**BAHAGIAN VI : TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI**

Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Yang Masih Belum Selesai	65
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 Yang Masih Belum Selesai	80

**BAHAGIAN VII : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	81
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	81

PENUTUP 83

LAMPIRAN

I	Sijil Ketua Audit Negara	84
II	Lembaran Imbangan	85
III	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	86
IV	Penyata Akaun Memorandum	87
V	Penyata Akaun Hasil Disatukan	88
VI	Nota Kepada Penyata Kewangan	89

GLOSARI AKRONIM 94

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Mulai tahun 2005, laporan terhadap Penyata Kewangan Dan Aktiviti Kerajaan Negeri telah diasingkan dan telah dibentangkan secara berasingan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Bagi memenuhi tanggungjawab mengaudit Penyata Kewangan ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan – Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Kelantan Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan penerimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 345 baucar bayaran bernilai RM36.27 juta daripada 102,294 baucar

bayaran berjumlah RM623.15 juta, penyata pemungut RM0.21 juta dan baucar jurnal RM29.88 juta.

3. Laporan ini dibahagikan kepada 7 Bahagian seperti berikut:

BAHAGIAN I - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007

BAHAGIAN II - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

BAHAGIAN III - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri

BAHAGIAN IV - Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

BAHAGIAN V - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam

BAHAGIAN VI - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

BAHAGIAN VII - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pendapat saya, prestasi pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** –Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala;
- b) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa;
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas pegawai/kakitangan perlu dilaksanakan secara berterusan;
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sense of responsibility*);
- e) **PROCEDURE** – prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
2 Julai 2008

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan telah dapat disahkan dan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah di selenggara dengan teratur dan kemas kini. Selain itu, penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan ini berada pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berdasarkan Lembaran Imbangan tidak kukuh kerana aset tidak dapat menampung tanggungan semasa dan keseluruhan tanggungan. Manakala Penyata Akaun Memorandum pula menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri juga tidak kukuh memandangkan nilai hutang yang ditanggungnya melebihi nilai aset.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pada tahun 2007, Kerajaan negeri telah berbelanja sejumlah RM161.74 juta atau 59% daripada yang diperuntukkan dan sebanyak 117 projek sedang dilaksanakan daripada 144 projek yang dirancang. Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek adalah memuaskan.

BAHAGIAN IV - PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada umumnya prestasi pengurusan kewangan di semua Jabatan/Agensi yang diaudit iaitu 4 Jabatan Negeri, satu Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan adalah berada pada tahap yang memuaskan dengan penarafan 2 bintang berdasarkan pecahan markah antara 54 hingga 66 markah dengan MAIK memperoleh skor yang tertinggi dan Majlis Daerah Bachok yang terendah.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM

5. Pada umumnya penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan adalah memuaskan. Kesemua Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah dapat mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2006 masing-masing. Tiga Badan Berkanun Negeri dan 10 Pihak Berkuasa Tempatan

telah dapat mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2007 setakat 30 Jun 2008. Bagaimanapun, dari segi pembentangan Penyata Kewangan masing-masing terdapat 4 Penyata Kewangan Agensi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri walaupun telah disahkan.

**BAHAGIAN VI - TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**

6. Pada keseluruhannya, Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri telah memberi perhatian terhadap teguran yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, tindakan yang lebih serius dan bersegera menyelesaikan perkara yang belum selesai hendaklah diberi perhatian supaya kelemahan tidak berlanjutan.

**BAHAGIAN VII - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

7. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2007. Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kelantan telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2005. Sepanjang tahun 2007 sehingga 30 Mei 2008, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak 4 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. PENDAHULUAN

1.1 Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara pada **22 April 2008**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai ubahsuai bagi tahun 2007 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi empat komponen iaitu Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.

1.2.1 Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain melalui peruntukan mengurus Jabatan dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3 Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Tuntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula adalah Hutang Awam.

1.3 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.4 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007 terhadap Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 6 Pusat Tanggungjawab. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan secara lisan semasa pemeriksaan dijalankan.

2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit, 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I** hingga **VI**.

3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI TERHADAP PENYEDIAAN DAN PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Selain memberi pendapat mengenai gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam Penyata Kewangan untuk menentukan tahap penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Penilaian ini meliputi peringkat interim dan muktamad.

3.1 PERINGKAT INTERIM

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan melalui ujian terhadap terimaan, pembayaran, baucar jurnal dan laporan bulanan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS).

3.1.1 Terimaan

Penilaian terimaan terhadap Akaun Tunai Bulanan, Penyata Pemungut, Penyata Penyesuaian Hasil dan Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan).

3.1.2 Pembayaran

Penilaian pembayaran terhadap Baucar Bayaran, Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran), Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan pindahan dana elektronik.

3.1.3 Baucar Jurnal

Penilaian terhadap penyediaan dan pemprosesan Baucar Jurnal.

3.1.4 Penyata Bulanan SPEKS

Penilaian terhadap penyata bulanan SPEKS yang berkaitan dengan Wang Tunai, Akaun Perbelanjaan, Akaun Hasil dan Akaun Amanah.

3.2 PERINGKAT MUKTAMAD

Di peringkat muktamad, penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persembahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

Pada pendapat Audit, penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2007, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata A – Penyata Wang Tunai, Penyata B – Penyata Pelaburan, Penyata C - Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata D – Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata E – Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata F – Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata G – Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam serta maklumat kewangan yang berkaitan. Format dan penyediaan serta analisis Penyata Kewangan dibuat berdasarkan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) iaitu Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan (PPK 2) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara yang berkuatkuasa pada tahun kewangan 2005.

4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1 Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah RM37.10 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM7.77 juta dan pelaburan sejumlah RM29.33 juta. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2007, Kumpulan Wang Disatukan mengalami penurunan sejumlah RM1.32 juta atau 3.4% kepada RM37.10 juta berbanding RM38.42 juta pada tahun 2006. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan
Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran	Tahun 2006	Tahun 2007	Peningkatan/ (Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(332.56)	(326.34)	6.22	1.9
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	370.98	363.44	(7.54)	2.0
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>				
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(48.27)	(45.04)	3.23	6.7
	• <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	(89.77)	(88.77)	1.0	1.1
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	62.59	87.58	24.99	39.9
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	203.79	204.37	0.58	0.3
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	242.64	205.30	(37.34)	15.4
	Jumlah	38.42	37.10	(1.32)	3.4

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan
Mengikut Lembaran Imbangan Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(155.86)	(242.14)	(241.97)	(332.56)	(326.34)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	181.40	264.23	288.12	370.98	363.44
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>					
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(23.00)	(8.34)	(12.99)	(48.27)	(45.04)
	• <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	(91.27)	(90.77)	(89.77)	(89.77)	(88.77)
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	52.10	34.76	48.18	62.59	87.58
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	141.99	160.28	156.59	203.79	204.37
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	101.58	168.30	186.11	242.64	205.30
	Jumlah	25.54	22.09	46.15	38.42	37.10

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.2 WANG TUNAI

4.2.1 Wang tunai merupakan aset daripada lebih terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.


4.2.2 Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan peningkatan berjumlah RM3.48 juta atau 81.1% kepada RM7.77 juta berbanding RM4.29 juta pada tahun 2006. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 3** dan di **Carta 1**.

Jadual 3
Kedudukan Baki Wang Tunai Bagi
Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	4.02	4.77	0.75	18.7
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.24	2.98	2.74	1,141
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.03	0.02	(0.01)	33.3
Jumlah		4.29	7.77	3.48	81.1

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 1
Kedudukan Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Analisis Audit mendapati peningkatan baki Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM2.74 juta antaranya adalah disebabkan kutipan hasil daripada kesemua 10 Pejabat Tanah Dan Jajahan, Jabatan Perhutanan Negeri dan lain-lain Pejabat Pemungut Hasil yang telah dibankkan tetapi belum sempat diambil kira dalam Buku Tunai di Perbendaharaan Negeri pada 31 Disember 2007.


4.2.3 Baki wang tunai bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 4** dan di **Carta 2**.

Jadual 4
Baki Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	2.56	9.33	8.62	4.02	4.77
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.26	0.07	0.69	0.24	2.98
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.01	0.02	0.02	0.03	0.02
Jumlah		2.83	9.42	9.33	4.29	7.77

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 2
Kedudukan Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.3 PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dalam bentuk Saham Dan Syer dan Deposit Dalam Negeri. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah

adalah pelaburan yang dibuat dari lebih Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Surat Cara Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 dan juga peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain dari pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.1 Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2007 dan 2006 menunjukkan penurunan berjumlah RM4.80 juta atau 14.1% kepada RM29.33 juta berbanding RM34.13 juta pada tahun 2006. Baki pelaburan ini terdiri daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM8.35 juta dan Pelaburan Am berjumlah RM20.98 juta. Penurunan Pelaburan Am disebabkan antaranya Kerajaan Negeri telah mencairkan Pelaburan Amnya melalui saham Dana Wafiq Bumiputra Commerce, Dana Wafiq Maybank dan Deposit Dalam Negeri. Kedudukan pelaburan adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Kedudukan Baki Pelaburan Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Kategori Pelaburan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	6.50	8.35	1.85	28.5
Pelaburan Am	27.63	20.98	(6.65)	24.1
Jumlah	34.13	29.33	(4.80)	14.1

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan


4.3.2 Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu daripada tahun 2003 hingga 2007 adalah sebagaimana di **Jadual 6** dan **Carta 3**.

Jadual 6
Kedudukan Pelaburan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Kategori Pelaburan	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	10.21	20.27	6.19	6.50	8.35
Pelaburan Am	12.50	2.40	30.63	27.63	20.98
Jumlah	22.71	22.67	36.82	34.13	29.33

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 3
Kedudukan Pelaburan
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan kecuali terimaan bagi Pinjaman dan Amanah.

4.4.1 Hasil

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Kerajaan Negeri Kelantan memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM442.85 juta iaitu meningkat sejumlah RM199.51 juta atau 82% berbanding RM243.34 juta pada tahun 2006. Jumlah pungutan hasil mengikut 3 kategori hasil pada tahun 2006 dan 2007 adalah sebagaimana di **Jadual 7**.

Jadual 7
Pungutan Hasil Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Lebih/ (Kurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	47.68	63.63	15.95	33.5
2.	Hasil Bukan Cukai	113.32	231.46	118.14	104.3
3.	Terimaan Bukan Hasil	82.34	147.76	65.42	79.5
Jumlah		243.34	442.85	199.51	82

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan*


Kedudukan 5 butiran hasil utama bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 8** dan di **Carta 4**.

Jadual 8
Hasil Utama Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran Hasil Utama	TAHUN				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Premium Tanah	9.62	11.39	15.00	13.47	96.63
2.	Premium Perhutanan	16.68	24.97	29.54	49.57	41.44
3.	Royalti Kayu Kayan	16.08	13.12	15.57	19.83	27.31
4.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	10.18	30.61	20.53	20.60	20.68
5.	Cukai Tanah	14.13	14.76	13.18	13.33	18.53
Jumlah		66.69	94.85	93.82	116.80	204.59

Sumber : *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan*

Carta 4
Hasil Utama Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Analisis peningkatan dan penurunan ketara 3 butiran hasil tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti berikut:

- i) Peningkatan ketara 3 butiran hasil adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Peningkatan Ketara 3 Butiran Hasil Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	%	
1.	Keuntungan Dari Pelaburan	3.50	41.32	37.82	1,080.5	Hasil daripada tindakan Kerajaan Negeri mencairkan sebahagian daripada pelaburannya dan juga pendapatan melalui keuntungan pelbagai pelaburan.
2.	Premium Tanah	13.47	96.63	83.16	617.1	Banyak pembangunan tanah dilaksanakan dalam tahun 2007 serta deposit dijadikan hasil kerana penyelesaian milik tanah kepada beberapa agensi Kerajaan Persekutuan.
3.	Royalti Kayu-kayan	19.83	27.31	7.48	37.8	Peningkatan kadar lesen serta pertambahan pengeluaran kayu.

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

- ii) Penurunan ketara 3 butiran hasil adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Penurunan Ketara 3 Butiran Hasil Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Penurunan		Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	%	
1.	Permit Batu Batan	1.49	0.21	1.28	86	Pengelasan semula kod hasil yang sebelumnya melibatkan 2 kod iaitu Permit Batu Batan dan Royalti Batu Batan.
2.	Pelbagai Pulang Balik Perbelanjaan Yang Lain	1.96	0.40	1.56	79.6	Kod pelbagai telah dipecahkan kepada kod yang lebih sesuai.
3.	Bayaran Balik Pinjaman	12.97	7.20	5.77	44.5	Agensi peminjam gagal menjelaskan bayaran balik pinjaman sebagaimana mengikut anuiti yang ditetapkan.

Sumber : *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan*

4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan tersebut diakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan menurut peruntukan Perkara 98,100,101,102 dan 104 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 13, Akta Prosedur Kewangan 1957. Pada tahun 2007 Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri berjumlah RM436.61 juta iaitu meningkat sejumlah RM102.68 juta atau 30.7% berbanding RM333.93 juta pada tahun 2006. Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 dan 2006 mengikut pecahan butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2007 dan 2006

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	%
1.	Emolumen	97.72	106.96	9.24	9.5
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	66.07	74.29	8.22	12.4
3.	Aset	37.18	36.45	(0.73)	2.0
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	132.34	217.57	85.23	64.4
5.	Perbelanjaan Lain	0.62	1.34	0.72	116.1
Jumlah		333.93	436.61	102.68	30.8

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Analisis peningkatan dan penurunan ketara 3 butiran Perbelanjaan Mengurus tahun 2007 berbanding tahun 2006.

i) Peningkatan ketara 3 butiran Perbelanjaan Mengurus adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Peningkatan Ketara 3 Butiran Perbelanjaan Mengurus
Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	%	
1.	Pemberian Dalam Negeri	116.29	207.69	91.40	78.6	Peningkatan ini antaranya adalah berpunca daripada peningkatan pemberian belanja mengurus Yayasan Islam Kelantan.
2.	Gaji Dan Upahan	61.41	71.33	9.92	16.2	Peningkatan berpunca daripada pelarasan gaji kakitangan awam.
3.	Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Diberi	27.52	31.70	4.18	15.2	Peningkatan perbelanjaan terhadap butiran Perkhidmatan Juruukur, Percetakan dan Upahan Pekerja Sambilan.

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

ii) Penurunan ketara 3 butiran Perbelanjaan Mengurus adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Penurunan Ketara 3 Butiran Perbelanjaan Mengurus
Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Penurunan		Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	%	
1.	Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	6.57	0.22	6.35	96.7	Pembayaran Imbuan Tahunan tidak diberi dalam tahun 2007.
2.	Kenderaan Dan Jentera	8.21	2.54	5.67	69	Pengurangan pembelian kenderaan dan jentera baru pada tahun 2007.
3.	Bayaran Di Atas Kira-kira Hutang Negeri	9.75	4.86	4.89	50.2	Kerajaan Negeri gagal melunaskan hutangnya mengikut anuiti yang ditetapkan.

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan


Analisis trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 14** dan di **Carta 5**.

Jadual 14
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran Hasil Utama	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Emolumen	87.80	89.78	91.96	97.72	106.96
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	44.79	56.08	58.68	66.07	74.29
3.	Aset	15.17	80.34	15.92	37.18	36.45
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	74.71	106.34	146.91	132.34	217.57
5.	Perbelanjaan Lain	1.15	1.24	4.42	0.62	1.34
Jumlah		223.62	333.78	317.89	333.93	436.61

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 5
Analisis Trend Perbelanjaan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa undang-undang Negeri. Perbelanjaan daripada akaun ini adalah terdiri daripada pinjaman balik kepada Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri serta pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri untuk tujuan Perbelanjaan Pembangunan. Sebagaimana tahun-tahun terdahulu, Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2007 berbaki kosong kerana kesemua pinjaman yang diterima pada tahun 2007 berjumlah RM23.35 juta bagi pelbagai Projek Bekalan Air telah dikeluarkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang kemudiannya dipindahkan ke akaun tertentu mengikut tujuan pinjaman itu dibuat.

4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua wang yang diterima dan dibayar oleh mana-mana Kumpulan Wang Amanah mengikut terma dan peraturan yang dinyatakan dalam Surat Cara Amanah Seksyen 10 dan Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 dan termasuklah penerimaan dan pembayaran wang deposit. Kategori Akaun Amanah Disatukan adalah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit.

4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan melalui satu enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri iaitu mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Penubuhan Kumpulan Wang ini adalah untuk membolehkan Kerajaan menyalurkan peruntukan ke satu tabung untuk sesuatu tujuan. Kumpulan Wang ini juga boleh dikreditkan dengan sumbangan daripada orang ramai dan pihak lain. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

a) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 diakaunkan dalam Akaun Amanah. Terimaan Kumpulan Wang ini adalah terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Pertambahan Hasil dan Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Rakyat, Pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk maksud pembangunan, Caruman Daripada Akaun Hasil Disatukan dan Pemberian Balik (imbuhanbalik) oleh Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pembangunan. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan.

Operasi Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2007 berakhir dengan lebihan berjumlah RM3.23 juta berbanding defisit sejumlah RM35.28 juta pada tahun 2006. Dengan lebihan ini menjadikan defisit terkumpul Kumpulan Wang menurun kepada RM45.04 juta pada tahun 2007 berbanding RM48.27 juta pada tahun 2006 . Pada tahun 2007 daripada RM174.01 juta yang diuntukkan melalui sumber Negeri sejumlah RM138.38 juta telah dibelanjakan. Manakala kesemua peruntukan yang diterima daripada sumber pinjaman Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM23.35 juta telah dibelanjakan.

Analisis peningkatan ketara 3 butiran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Peningkatan Ketara Perbelanjaan Pembangunan
Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	%	
1.	Projek Sekolah Yayasan Islam Kelantan	2.71	10.54	7.83	288.9	Perlaksanaan projek pembinaan bangunan Sekolah Maahad Tahfiz Sains.
2.	Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek Negeri	0.49	6.50	6.01	1,226.5	Perlaksanaan Projek Pembesaran Kompleks Balai Islam Lundang dan PTJ Kota Bharu.
3.	Jambatan	1.88	6.90	5.02	267	Perlaksanaan Projek Jambatan Lintas Keretapi di Pasir Mas dan beberapa buah jambatan lain.

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Analisis penurunan ketara 3 butiran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Penurunan Ketara Perbelanjaan Pembangunan
Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Penurunan		Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	%	
1.	Projek Bekalan Air (Sumber Pinjaman)	67.40	23.35	44.05	65.4	Perbelanjaan berdasarkan jumlah pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.
2.	Memperelok Jalan-jalan Negeri	13.91	11.74	2.17	15.6	Kekurangan peruntukan.
3.	Tanaman Getah	0.13	0.04	0.09	69.2	Pada tahun 2007, penanaman getah tidak dilaksanakan secara berleluasa.

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

b) Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Akta 230 dan ianya berbaki defisit setiap tahun. Urus niaga Kumpulan Wang ini hanya berkaitan terimaan pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan. Sejak ianya diswastakan mulai tahun 2005, fungsinya telah diambil alih oleh Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. yang melaksanakan projek bekalan air di seluruh Negeri Kelantan yang mana pembiayaannya melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2007 Kumpulan Wang ini telah menerima pindahan sejumlah RM1 juta daripada Akaun Hasil Disatukan menjadikan ianya berbaki defisit berjumlah RM88.77 juta berbanding defisit RM89.77 juta tahun 2006.

c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan untuk sesuatu tujuan khas dan disenaraikan di Jadual Kedua dan Ketiga Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini terdiri daripada 4 Akaun Utama iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang serta 9 akaun/ Kumpulan Wang Kecil di bawah Akaun Utama tersebut. Antara akaun kecil yang diklasifikasikan di bawah Akaun Penyelesaian adalah Akaun Kena Bayar.

i) Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar merupakan jumlah terhutang kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diperolehi Kerajaan yang bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun berikutnya selaras dengan Prinsip Tunai Ubahsuai dan Arahan Perbendaharaan 56(a). Pada tahun 2007 sebanyak 7,710 baucar bayaran berjumlah RM66.43 juta telah dikenakan kepada Akaun Kena Bayar berbanding sebanyak 6,011 baucar dengan jumlah RM43.88 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM22.55 juta. Kedudukan peningkatan dan penurunan perbelanjaan Akaun Kena Bayar pada tahun 2007 berbanding 2006 mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan
Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Pejabat / Jabatan	Tahun 2006	Tahun 2007	Peningkatan/ (Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Sultan	0.45	0.54	0.09	20
2.	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	12.62	13.18	0.56	4.4
3.	Pengarah Tanah Dan Galian	0.75	2.59	1.84	245.3
4.	Tanah Dan Jajahan Bachok	0.45	0.59	0.14	31.1
5.	Tanah Dan Jajahan Kota Bharu	1.46	2.01	0.55	37.7
6.	Tanah Dan Jajahan Machang	0.35	0.43	0.08	22.9
7.	Tanah Dan Jajahan Pasir Mas	0.20	0.91	0.71	335
8.	Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh	0.32	0.59	0.27	84.4
9.	Tanah Dan Jajahan Tanah Merah	0.83	0.60	(0.23)	(27.7)
10.	Tanah Dan Jajahan Tumpat	0.44	1.09	0.65	147.7
11.	Tanah Dan Jajahan Kuala Krai	0.62	0.65	0.03	4.8
12.	Tanah Dan Jajahan Gua Musang	0.49	0.29	(0.02)	(40.8)
13.	Tanah Dan Jajahan Jeli	0.16	0.46	0.30	187.5
14.	Perhutanan Negeri	0.68	0.25	(0.43)	(63.2)
15.	Pengairan Dan Saliran Negeri	2.42	0.84	(1.58)	(65.3)
16.	Pertanian Negeri	1.22	0.56	(0.66)	(54.1)
17.	Kerjaraya Negeri	0.38	1.15	0.77	202.6
18.	Mufti	0.03	0.00	(0.03)	(100)
19.	Hal Ehwal Agama Islam	1.25	1.02	(0.23)	(18.4)
20.	Kebajikan Masyarakat	0.80	0.88	0.08	10
21.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	0.02	0.00	(0.02)	(100)
22.	Perancang Bandar	0.01	0.02	0.01	100
23.	Perbendaharaan Negeri	13.37	25.04	11.67	87.3
24.	Perkhidmatan Haiwan Negeri	1.01	0.80	0.21	(20.8)
25.	Pembangunan Negeri	3.44	11.86	8.42	244.8
26.	Mineral Dan Geosains	0.00	0.04	0.04	-
27.	Kehakiman Syariah Negeri	0.11	0.00	(0.11)	(100)
28.	Air Negeri	0.00	0.04	0.04	-
Jumlah		43.88	66.43	22.55	51.4

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Antara punca peningkatan Akaun Kena Bayar disebabkan baucar bayaran yang beraun besar seperti pengeluaran pinjaman kepada Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd., bayaran balik hutang dan perbelanjaan pembangunan telah dicajkan kepada

Akaun Kena Bayar untuk mengelakkan baki tunai daripada terlebih dikeluarkan pada akhir tahun. Analisis Audit seterusnya mendapati daripada jumlah RM66.43 juta keseluruhan perbelanjaan yang dicajkan ke Akaun Kena Bayar, RM53.69 juta atau 80.8% daripadanya telah dibelanjakan oleh 5 buah Jabatan. Jabatan dan kategori perbelanjaan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Kategori Perbelanjaan Akaun Kena Bayar
Tertinggi 5 Jabatan Bagi Tahun 2007

Bil.	Jabatan/Pejabat	Kategori Perbelanjaan (RM Juta)				Jumlah
		Emolumen	Perkhidmatan Dan Bekalan	Aset	Perbelanjaan Lain	
1.	Perbendaharaan Negeri	0.02	0.05	20.07	4.90	25.04
2.	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	0.25	2.94	2.68	7.31	13.18
3.	Pejabat Pembangunan Negeri	0.01	0.01	0.01	10.84	10.87
4.	Pejabat Tanah Dan Galian	0.04	2.10	0.45	0.00	2.59
5.	Tanah Dan Jajahan Kota Bharu	0.08	0.09	0.00	1.84	2.01
Jumlah		0.40	5.19	23.21	24.89	53.69

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan mengikut Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 untuk mengakaun terimaan dan pembayaran wang daripada pihak lain termasuk organisasi dan orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan untuk pelbagai tujuan. Caruman peruntukan Kerajaan tidak boleh dibuat kepada Kumpulan Wang ini. Pada tahun 2007 Kerajaan Negeri mempunyai 17 Kumpulan Wang Amanah Awam yang dikawal oleh 8 Jabatan berbanding 15 pada tahun 2006. Baki Kumpulan Wang ini pada tahun 2007 berjumlah RM204.37 juta berbanding RM203.79 juta pada tahun 2006. Termasuk dalam baki ini adalah sejumlah RM23,901 Akaun Amanah Program Pembangunan Keluarga Islam Dan Pusat Pembangunan Sosial dan RM4,300 Akaun Amanah Seminar Pemakanan Dan Persijilan Halal di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang tidak aktif sejak tahun 2002. Selain itu semakan Audit mendapati kesemua Penyata Penerimaan Dan Pembayaran bersama dengan dokumen sokongan Akaun Amanah yang berkaitan telah dikemukakan kepada Audit mengikut peraturan yang ditetapkan. Antara Kumpulan Wang Amanah yang diklasifikasikan di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam adalah:

a) Akaun Amanah Program Khidmat Negara


Akaun Amanah ini ditubuhkan pada tahun 2004 bertujuan untuk mengakaunkan sumbangan bagi Program Khidmat Negara daripada Kementerian Pertahanan (Bahagian Khidmat Negara) dan perbelanjaan bagi Program Khidmat Negara. Akaun ini dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Baki Akaun ini pada tahun 2007 berjumlah RM80,233 berbanding RM87,936 pada tahun 2006. Jumlah terimaan dan pembayaran serta kedudukan baki Akaun Amanah ini bagi tempoh 4 tahun adalah seperti di **Jadual 19** dan **Carta 6**.

Jadual 19
Akaun Amanah Program Khidmat Negara
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2007

Tahun	Baki Awal (RM)	Terimaan (RM)	Bayaran (RM)	Baki Terkumpul (RM)
2004	-	50,700	33,304	17,396
2005	17,396	176,760	74,119	120,037
2006	102,641	80,083	112,184	87,936
2007	87,936	88,960	96,663	80,233

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 6
Kedudukan Akaun Amanah Program Khidmat Negara
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

b) Tabung Serambi Mekah


Akaun ini ditubuhkan pada tahun 1991 dengan tujuan untuk membolehkan Kerajaan Negeri memberi bantuan dan pertolongan kepada golongan fakir miskin, mangsa-mangsa malapetaka dan bencana alam dan melaksanakan projek pembangunan Islam dan sosio ekonomi untuk kesejahteraan ummah. Tabung ini memperakunkan semua terimaan wang daripada hadiah, sumbangan, sedekah dan lain-lain bentuk pemberian orang ramai, organisasi, badan-badan persatuan, yayasan, firma dan koperasi selain daripada punca perjudian. Baki Akaun ini pada tahun 2007 berjumlah RM4.80 juta berbanding RM3.02 juta pada tahun 2006. Jumlah terimaan dan pembayaran serta kedudukan baki Tabung ini bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 20** dan **Carta 7**.

Jadual 20
Tabung Serambi Mekah
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Tahun	Terimaan (RM Juta)	Bayaran (RM Juta)	Baki Terkumpul (RM Juta)
2003	1.20	0.94	3.08
2004	1.28	1.18	3.18
2005	1.81	1.69	3.31
2006	1.30	1.59	3.02
2007	3.42	1.66	4.80

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 7
Tabung Serambi Mekah
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

c) Akaun Amanah Pengurusan SPEKS

Akaun ini ditubuhkan pada tahun 2006 bertujuan untuk menerima dan mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan lain-lain sumbangan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan SPEKS. Baki Akaun ini pada tahun 2007 berjumlah RM0.72 juta berbanding RM1.64 juta pada tahun 2006.

4.6.3 Akaun Wang Deposit


Akaun Wang Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Kerajaan Negeri mengawal 3 kategori wang deposit iaitu Deposit Am, Deposit Pengambilan Balik Tanah dan Deposit Perumahan Awam Kos Rendah. Baki deposit pada akhir tahun 2007 berjumlah RM205.30 juta berbanding RM242.64 juta pada tahun 2006 iaitu berkurangan sejumlah RM37.34 juta. Kedudukan baki Akaun Wang Deposit bagi tempoh 5 tahun mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 21** dan **Carta 8**.

Jadual 21
Baki Akaun Wang Deposit Bagi tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Kategori Deposit	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Deposit Am	100.87	167.44	183.29	240.42	203.15
2.	Deposit Pengambilan Balik Tanah	0	0	1.96	1.40	1.35
3.	Deposit Perumahan Awam Kos Rendah	0.71	0.86	0.86	0.82	0.80
Jumlah		101.58	168.30	186.11	242.64	205.30

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 8
Kedudukan Baki Akaun Wang Deposit
Bagi tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Analisis Audit terhadap senarai baki individu yang dikemukakan mendapati Deposit Am yang dipegang oleh semua 10 Pejabat Tanah dan Jajahan, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Tanah Dan Galian dan Jabatan Perikanan Negeri Kelantan yang memegang deposit antara 1 hingga 10 tahun berjumlah RM112.55 juta, 11 hingga 15 tahun berjumlah RM11.46 juta, 16 hingga 20 tahun berjumlah RM6.37 juta dan melebihi 20 tahun berjumlah RM6.19 juta. Butiran lengkap usia Deposit Am mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Butiran Lengkap Usia Deposit Am Mengikut Jabatan

Bil	Pejabat/Jabatan	Usia Deposit Am (Tahun)							
		1 Hingga 10		11 Hingga 15		16 Hingga 20		Melebihi 20	
		Bil. Akaun	(RM Juta)	Bil. Akaun	(RM Juta)	Bil. Akaun	(RM Juta)	Bil. Akaun	(RM Juta)
1.	Tanah Dan Jajahan	38,355	90.59	28,863	10.14	20,580	6.3	23,649	6.19
2.	Kerja Raya	3,298	4.96	1,095	1.28	-	-	-	-
3.	Tanah Dan Galian	95	16.07	-	-	-	-	-	-
4.	Perikanan	459	0.93	173	0.04	143	0.07	-	-
Jumlah		42,207	112.55	30,131	11.46	20,723	6.37	23,649	6.19

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.7 Penerimaan Dan Pembayaran


Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan yang mudah ditukar kepada wang tunai. Aliran masuk terimaan utama Kerajaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman dalam negeri, terimaan modal dan lain-lain terimaan amanah. Manakala aliran keluar bayaran utama Kerajaan adalah perbelanjaan mengurus, pembangunan modal, bayaran balik pinjaman serta lain-lain bayaran amanah. Trend penerimaan dan pembayaran wang tunai bagi tempoh 2004 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 23** dan **Carta 9**.

Jadual 23
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2007

	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
PENERIMAAN				
HASIL:				
Hasil Cukai	42.39	57.21	47.68	63.63
Hasil Bukan Cukai	76.50	93.44	113.32	231.46
Terimaan Bukan Hasil	128.61	167.41	82.34	147.76
	247.50	318.06	243.34	442.85
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN:				
Pemberian Pertambahan Hasil Bhg. II	49.45	35.20	25.08	26.52
Pemberian Tahap Ekonomi, Infrastruktur	25.98	25.98	28.59	28.08
Dan Kesejahteraan Rakyat	90.50	25.09	67.40	23.35
Pinjaman Bekalan Air	165.93	86.27	121.07	77.95
LAIN-LAIN:				
Amanah	68.12	20.39	120.84	81.03
	481.55	424.72	485.25	601.83
PEMBAYARAN				
PERBELANJAAN MENGURUS:				
Emolumen	89.78	91.96	97.72	106.96
Perkhidmatan Dan Bekalan	56.08	58.68	66.07	74.30
Aset	80.34	15.92	37.18	36.45
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	106.34	146.91	132.34	217.57
Lain-Lain Perbelanjaan	1.24	4.42	0.62	1.34
	333.78	317.89	333.93	436.62
PEMBANGUNAN:				
Langsung	60.78	81.82	88.96	138.38
Pinjaman	90.50	25.09	67.40	23.35
	151.28	106.91	156.36	161.73
JUMLAH BAYARAN	485.06	424.80	490.29	598.35
TAMBAHAN / (KURANGAN) WANG TUNAI				
WANG TUNAI PADA 01 JANUARI	(3.51)	(0.08)	(5.04)	3.48
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER	12.92	9.41	9.33	4.29
	9.41	9.33	4.29	7.77

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 9
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2007



Sumber : *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan*

Trend terhadap terimaan wang tunai dari segi hasil, pinjaman dan terimaan modal bagi tempoh 4 tahun menunjukkan peningkatan dan penurunan. Terimaan wang tunai dari segi hasil adalah paling tinggi pada tahun 2007 kerana peningkatan ketara Royalti Kayu Kayan di bawah Hasil Cukai berjumlah RM27.31 juta, Premium Tanah dan keuntungan daripada pelaburan dan juga tindakan Kerajaan Negeri mencairkan sebahagian daripada pelaburannya melalui Pengurusan Portfolio CIMB di bawah Hasil Bukan Cukai berjumlah RM96.63 juta dan RM41.32 juta dan Pemberian Kekurangan daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM63.75 juta. Terimaan wang tunai dari segi hasil adalah paling rendah pada tahun 2006 kerana sebahagian geran Kerajaan Persekutuan yang patut diterima tidak diterima pada tahun tersebut.

Terimaan wang tunai dari segi Pinjaman dan Terimaan Modal adalah paling tinggi pada tahun 2004 kerana Pemberian Pertambahan Hasil (Bhg. II) bagi tahun 2003 telah diterima pada tahun 2004 dan jumlah pinjaman bagi Projek Bekalan Air. Terimaan wang tunai dari segi Pinjaman dan Terimaan Modal adalah paling rendah pada tahun 2007 kerana penurunan jumlah pinjaman bagi Projek Bekalan Air daripada Kerajaan Persekutuan.

Trend pembayaran wang tunai dari segi perbelanjaan mengurus bagi tempoh 4 tahun menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2007 berbanding 3 tahun sebelumnya. Ini adalah susulan daripada peningkatan dalam perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap, Emolumen dan Perkhidmatan Dan Bekalan.

Trend terhadap pembayaran wang tunai dari segi perbelanjaan pembangunan juga menunjukkan peningkatan ketara terutamanya pada tahun 2007 berbanding 3 tahun sebelumnya kerana peningkatan perbelanjaan pembangunan melalui sumber langsung.

4.8 AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan yang boleh diluput atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan di Lembaran Imbangan. Aset yang ditunjukkan merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil manakala liabiliti pula adalah Hutang Awam.

a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang Agensi Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri yang mana sumber pinjaman ini adalah terdiri daripada sumber Negeri dan Persekutuan yang dipinjamkan balik oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi berkenaan. Pada tahun 2007 baki pinjaman boleh tuntutan Kerajaan Negeri kepada Agensinya berjumlah RM617.38 juta berbanding RM598.89 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM18.49 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri mengeluarkan kesemua sumber pinjaman yang diterima bagi pelbagai Projek Bekalan Air daripada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM23.35 juta kepada Agensinya iaitu Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. dan sejumlah RM2.33 juta melalui sumber Negeri kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu. Selain itu Kerajaan Negeri telah menerima balik bayaran hutang daripada Agensinya berjumlah RM7.50 juta.

Analisis Audit mendapati bayaran balik pinjaman yang telah matang tidak mengikut Jadual Bayaran Balik atau anuiti tahunan yang ditetapkan menyebabkan tunggakan bayaran balik agensi tersebut terus meningkat. Keadaan ini lebih ketara lagi apabila dasar Kerajaan Persekutuan tidak lagi menyalurkan geran keseimbangan Pihak Berkuasa Tempatan melalui Kerajaan Negeri. Pada tahun 2007 Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan gagal menjelaskan anuiti tahunannya melalui

sumber Persekutuan berjumlah RM9.36 juta menyebabkan tunggakan bayaran balik terkumpul mencecah RM40.88 juta. Manakala Majlis Perbandaran Kota Bharu gagal menjelaskan anuiti tahunannya berjumlah RM0.96 juta melalui pinjaman sumber Negeri dan sejumlah RM1.06 juta melalui sumber Persekutuan menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman menjadi RM9.48 juta. Kedudukan bayaran balik pinjaman oleh Agensi sebagaimana di **Jadual 24**.

Jadual 24
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Agensi
Pada Tahun 2007

Agensi	Anuiti Tahunan (RM Juta)		Bayaran Balik (RM Juta)		Tunggakan Bayaran Balik (RM Juta)	
	Sumber		Sumber		Sumber	
	Negeri	Persekutuan	Negeri	Persekutuan	Negeri	Persekutuan
Badan Berkanun Negeri:						
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	2.65	9.36	3.00	0.00	31.52	9.36
Perbadanan Stadium Negeri	0.00	0.11	0.00	0.00	0.07	1.92
Yayasan Kelantan Darulnaim	0.10	0.00	0.10	0.00	0.70	0.00
Yayasan Islam Kelantan	0.97	0.00	0.97	0.00	0.00	0.00
Pihak Berkuasa Tempatan:						
Majlis Perbandaran Kota Bharu	0.96	1.06	0.00	0.00	0.96	8.52
Majlis Daerah Pasir Mas	0.47	0.15	0.30	0.00	1.96	1.35
Majlis Daerah Kuala Krai (Utara)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.30	0.00
Majlis Daerah Bachok	0.03	0.00	0.00	0.00	0.03	0.00
Majlis Daerah Machang	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Majlis Daerah Tumpat	0.07	0.00	0.00	0.00	0.09	0.00
Jumlah	5.25	10.68	4.37	0.00	35.63	21.15

Sumber : *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

Analisis seterusnya mendapati trend pinjaman Kerajaan Negeri kepada Agensi sepanjang tempoh 5 tahun lebih menjurus kepada pelaksanaan 13 buah projek bekalan air di Negeri Kelantan. Pinjaman yang dikeluarkan kepada Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. meningkat setiap tahun selaras dengan pinjaman yang diterima


Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud tersebut. Manakala pinjaman kepada Agensi melalui sumber Negeri bagi menampung Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan tidaklah begitu ketara. Kedudukan pinjaman yang diberi kepada Agensi bagi tempoh 5 tahun adalah sebagaimana di **Jadual 25** dan **Carta 10**.

Jadual 25
Trend Pinjaman Kepada Agensi
Bagi Tempoh 2003 hingga 2007

Bil.	Agensi	Pinjaman Diberi / Tahun (RM Juta)				
		2003	2004	2005	2006	2007
1.	Badan Berkanun Negeri	0.00	0.00	2.65	1.28	0.00
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	2.23	0.00	0.17	0.00	2.33
3.	Syarikat Air Kelantan Sdn.Bhd.	97.70	90.50	25.07	67.40	23.35
Jumlah		99.93	90.50	27.89	68.68	25.68

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 10
Kedudukan Pinjaman Kepada Agensi
Bagi Tempoh 2003 hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

b) Pelaburan

Pelaburan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan belanja mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2007 baki pelaburan di Penyata Memorandum berjumlah RM107.70 juta berbanding RM180.11 juta pada tahun 2006 iaitu menurun sejumlah RM72.41 juta. Jumlah ini terdiri daripada Pelaburan Am RM42.88 juta dan Pelaburan Perbadanan Menteri Besar RM64.82 juta. Sejumlah


RM38 juta daripada Pelaburan Am adalah merupakan Pelaburan Portfolio yang diuruskan oleh CIMB Private Banking berbanding RM68 juta pada tahun 2006. Daripada baki ini sejumlah RM10 juta daripadanya merupakan pelaburan yang baru dibuat pada akhir tahun 2007. Selainnya adalah sejumlah RM4.75 juta adalah pegangan saham Malaysia Airports Holdings Berhad dan RM0.13 juta lagi adalah saham ESSO Malaysia Berhad, Tronoh Mines Malaysia Berhad dan Malaysia Mining Corporation Berhad. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah sebagaimana di **Jadual 26** dan **Carta 11**.

Jadual 26
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Pelaburan Am: Malaysian Airport Holdings Bhd.	4.75	4.75	4.75	4.75	4.75
2.	ESSO, Tronoh Dan Malaysia Mining Corporation	0.13	0.13	0.13	0.13	0.13
3.	Pelaburan Portfolio	-	53.00	53.00	68.00	38.00
4.	Pelaburan Perbadanan Menteri Besar: Simpanan Pelaburan	2.41	0.92	0.63	64.25	11.65
5.	Pegangan Saham	43.09	42.92	42.95	42.98	53.17
Jumlah		50.38	101.72	101.46	180.11	107.70

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 11
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

c) Tunggakan Hasil

Tunggakan Hasil adalah merupakan hutang atau hasil yang tidak dapat dipungut dan dilaporkan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 328. Pada tahun 2007, baki tunggakan hasil berjumlah RM65.59 juta berbanding RM68.02 juta pada tahun 2006 iaitu menurun sejumlah RM2.43 juta. Kedudukan Tunggakan Hasil mengikut butiran hasil utama adalah sebagaimana di **Jadual 27**.

Jadual 27
Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Jenis Tunggakan Hasil	Tahun 2006	Tahun 2007	Peningkatan/ (Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah Berulang	9.57	9.60	0.03	0.3
2.	Denda Cukai Tanah	23.08	27	3.92	17
3.	Sewa Rumah Awam Kos Rendah	16.36	15.33	(1.03)	6.3
4.	Sumbangan (Tribute) Konsesi Hutan	10.27	10.91	0.64	6.2
5.	Denda Kesalahan Hutan	0.33	0.33	0.0	0.0
6.	Skim Penjualan Terus Rumah Awam Kos Rendah	5.09	0.16	(4.93)	96.9
7.	Jualan Batu-Batan Kuari Bukit Buluh	2.76	1.81	(0.95)	34.4
8.	Tunggakan Hasil Lain	0.56	0.45	(0.11)	19.6
Jumlah		68.02	65.59	(2.43)	3.57

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Analisis Audit mendapati antara punca penurunan tunggakan hasil ini adalah disebabkan jualan terus Rumah Awam Kos Rendah yang baru siap dalam tahun 2006 sebanyak 31 unit di Semut Api 2, Kota Bharu dan 77 unit di Gunung, Bachok. Analisis Audit seterusnya mendapati trend tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Jabatan / Jenis Tunggakan Hasil	Tahun (RM Juta)				
		2003	2004	2005	2006	2007
Pejabat Tanah Dan Jajahan						
1.	Cukai Tanah Berulang	7.61	8.96	7.17	9.57	9.60
2.	Denda Cukai Tanah	25.89	24.41	20.53	23.08	27.00
3.	Cukai Taliair	0.24	0.23	0.21	0.19	0.19
Setiausaha Kerajaan (Perumahan)						
4.	Sewa Rumah Awam Kos Rendah	21.03	20.03	17.79	16.36	15.33
5.	Skim Jualan Terus Rumah Awam Kos Rendah	0.22	0.10	0.57	5.09	0.16
Perbendaharaan Negeri						
6.	Sumbangan (Tribute) Konsesi Hutan	35.35	32.35	12.82	10.27	10.91
7.	Cukai Atas Dividen Saham	0.22	0.07	0.15	0.31	0.20
8.	Cukai Atas Tiket	0.00	0.00	0.00	0.06	0.06
Pejabat Perhutanan Negeri						
9.	Denda Kesalahan Hutan	3.52	3.19	1.29	0.33	0.33
Jabatan Kerja Raya Negeri						
10.	Jualan Batu Batan Kuari	0.00	0.00	1.51	2.76	1.81
Pengarah Tanah Dan Galian						
11.	Cukai Tanah Dan Denda Cukai Tanah Keretapi Tanah Melayu	47.75	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		141.83	89.34	62.04	68.02	65.59

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

d) Hutang Kerajaan Negeri

Hutang Awam menunjukkan baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Ini termasuk jumlah pinjaman yang diterima untuk dipinjamkan semula kepada Agensi Kerajaan Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri serta untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan Projek Perumahan Awam Kos Rendah. Pada akhir tahun 2007 baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM958.67 juta berbanding RM940.06 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM18.61 juta. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri menerima sejumlah RM23.35 juta pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan iaitu sejumlah RM9 juta Projek Bekalan Air yang


baru dan RM14.35 juta bagi menggenapkan baki pinjaman 3 Projek Bekalan Air yang telah diluluskan sebelumnya. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah menjelaskan hutang kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM4.86 juta. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berbanding pada tahun 2006 adalah sebagaimana di **Jadual 29** dan **Carta 12**.

Jadual 29
Baki Hutang Kerajaan Negeri Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Kategori Hutang	Tahun		Peningkatan/ Pengurangan) (RM Juta)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
1.	Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	268.38	268.38	0.0
2.	Projek Bekalan Air	425.34	444.70	19.36
3.	Projek Rumah Awam Kos Rendah	70.55	70.55	0.0
4.	Pelbagai Projek Lain	175.79	175.04	(0.75)
Jumlah		940.06	958.67	18.61

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Carta 12
Kedudukan Baki Hutang Kerajaan Negeri Tahun 2007 Dan 2006



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan.


Analisis Audit terhadap trend hutang Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 bagi 3 kategori iaitu Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Projek Rumah Awam Kos Rendah dan Pelbagai Projek Lain mendapati semakin berkurangan ekoran tiada sebarang pinjaman diterima. Manakala bagi kategori Projek Bekalan Air keadaan sebaliknya berlaku. Ini disebabkan Kerajaan Negeri menerima pinjaman baru setiap tahun daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan 13 buah Projek Bekalan Air di Negeri Kelantan dan pinjaman ini pada keseluruhannya belum matang kecuali satu iaitu Projek Bekalan Air Skim Chicha yang tarikh matangnya bermula pada tahun 2007. Pada akhir tahun 2007 baki terkumpul pinjaman untuk 13 buah projek bekalan air tersebut adalah berjumlah RM364.78 juta. Kesemua pinjaman yang diterima telah diakaunkan ke Akaun Pinjaman Disatukan sebelum ianya dikeluarkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang kemudiannya dibayar kepada Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. iaitu Agensi yang melaksanakan projek bekalan air di Negeri Kelantan. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah sebagaimana di **Jadual 30** dan **Carta 13**.

Jadual 30
Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Kategori Hutang/ Pinjaman	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Pinjaman Projek Perbadanan Iktisad Negeri Kelantan	282.26	283.66	276.04	268.38	268.38
2.	Pinjaman Projek Bekalan Air	240.69	332.85	357.94	425.34	444.70
3.	Pinjaman Projek Perumahan Awam Kos Rendah	69.57	72.31	70.55	70.55	70.55
4.	Pinjaman Projek-Projek Lain	188.15	182.79	176.06	175.79	175.04
Jumlah		780.67	871.61	880.59	940.06	958.67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 13
Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Sehingga akhir tahun 2007, Kerajaan Negeri perlu menjelaskan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM35.85 juta iaitu RM23.71 juta bayaran anuiti tahun semasa dan RM12.14 juta tunggakan tahun sebelumnya. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah menjelaskan anuiti pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM4.86 juta menjadikan tunggakan pinjaman terkumpul berjumlah RM30.99 juta.

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berdasarkan Lembaran Imbangan tidak kukuh kerana aset tidak dapat menampung tanggungan semasa dan keseluruhan tanggungan. Manakala Penyata Akaun Memorandum pula menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri juga tidak kukuh memandangkan nilai hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri melebihi nilai aset. Oleh itu bagi memperbaiki kedudukan kewangan yang semakin merosot, Kerajaan Negeri perlu mengamalkan dasar perbelanjaan berhemat serta mencari sumber hasil yang baru dan berusaha mengutip tunggakan hasil.

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

6.1 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Kelantan untuk tempoh 5 tahun iaitu bermula pada tahun 2006 hingga 2010 menyediakan rancangan pembangunan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi Negeri Kelantan. Rancangan ini digubal bagi merealisasikan strategi, program dan projek yang akan diperkenalkan dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Kelantan.

6.2 Bagi menjayakan RMKe-9, sejumlah RM1.31 bilion siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 10 Jabatan/Agensi Pelaksana bagi membiayai sebanyak 144 buah projek pembangunan di seluruh Negeri Kelantan. Sebahagian besar projek tersebut merupakan projek sambungan daripada RMKe-7 dan RMKe-8 manakala projek yang baru diperkenal dalam tahun 2007 yang dimasukkan ke RMKe-9 adalah sebanyak 18 projek. Pada tahun 2007, sejumlah RM273.20 juta telah diperuntukkan kepada 10 Jabatan/Agensi Pelaksana. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM161.74 juta atau 59.2% telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan daripada 10 Jabatan/Agensi Pelaksana yang terlibat, Pejabat Pembangunan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM71.50 juta iaitu hampir separuh daripada jumlah yang dibelanjakan. Manakala 4 Agensi Pelaksana iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Perikanan telah membelanjakan hampir 100% daripada peruntukan yang diberikan. Prestasi perbelanjaan bagi setiap Jabatan di bawah RMKe-9 pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9
Pada Tahun 2007

Bil.	Jabatan/Agensi Pelaksana	Peruntukan Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Tahun 2007 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	46.57	24.35	52.3
2.	Perhutanan Negeri	1.27	0.95	74.8
3.	Pengairan Dan Saliran Negeri	8.88	8.83	99.4
4.	Pertanian Negeri	3.30	3.25	98.5
5.	Kerja Raya Negeri	15.50	13.99	90.3
6.	Hal Ehwal Agama Islam	1.00	1.00	100
7.	Perbendaharaan Negeri (Termasuk Luar Jangka)	116.94	33.90	29.0
8.	Perkhidmatan Haiwan Negeri	4.40	3.51	79.8
9.	Pembangunan Negeri	74.88	71.50	95.5
10.	Perikanan Negeri Kelantan	0.46	0.46	100
Jumlah		273.20	161.74	59.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

6.3 Tahun 2007 adalah merupakan tahun kedua bagi melaksanakan sebahagian daripada 144 projek yang dirangka dan dirancang untuk dilaksanakan dalam RMKe-9. Analisis Audit terhadap status pelaksanaan projek tersebut mendapati sebanyak 117 projek sedang dilaksanakan manakala 27 belum lagi dilaksanakan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah Projek Bekalan Air Negeri Kelantan di bawah Perbendaharaan Negeri, Projek Memperelok Jalan Negeri di bawah Jabatan Kerja Raya dan Projek Perumahan Awam Kos Rendah di bawah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara Projek yang belum dilaksanakan ialah Projek Pembangunan Muzium Negeri di bawah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Projek Stor Dan Rumah Kakitangan Jabatan Kerja Raya dan Projek Memajukan Agro Tourism, Jabatan Pengairan Dan Saliran. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Status Pelaksanaan Projek RMKe-9
Setakat 31 Disember 2007

Bil.	Jabatan/Agensi Pelaksana	Bil. Projek	Status Pelaksanaan	
			Sedang Laksana	Belum Laksana
1.	Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	27	23	4
2.	Perhutanan Negeri	22	11	11
3.	Pengairan Dan Saliran Negeri	18	17	1
4.	Pertanian Negeri	10	10	-
5.	Kerja Raya Negeri	4	3	1
6.	Hal Ehwal Agama Islam	1	1	-
7.	Perbendaharaan Negeri	3	2	1
8.	Perkhidmatan Haiwan Negeri	9	9	-
9.	Pembangunan Negeri	35	27	8
10.	Perikanan Negeri Kelantan	15	14	1
Jumlah		144	117	27

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

6.4 RUMUSAN

Pada tahun 2007, Kerajaan negeri telah berbelanja sejumlah RM161.74 juta atau 59.2% daripada yang diperuntukkan dan sebanyak 117 projek sedang dilaksanakan daripada 144 projek yang dirancang. Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek adalah memuaskan.

**BAHAGIAN IV
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI**

7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

7.1 Seksyen 15(A) Akta Prosedur Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Jabatan/Agensi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

7.2 Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

7.3 Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

7.4 Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti**. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

7.5 Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Secara umumnya,

sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Cemerlang (Sangat Baik)	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber : Jabatan Audit Negara

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

9.1 Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri, Jabatan Air Negeri, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Majlis Daerah Bachok. Bagi tahun 2007, hanya 7 Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit disebabkan oleh kekangan kakitangan.

9.2 Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri, kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan Penyata Kewangan turut diaudit.

9.3 Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006 bagi menentukan kedudukan prestasi Penyata Kewangannya.

10. PENEMUAN AUDIT

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 4 Jabatan Negeri iaitu Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri, Jabatan Air Negeri dan 3 Agensi Negeri yang terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Majlis Daerah Bachok adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pengurusan kewangan mengikut 6 jenis kawalan seperti berikut:

10.1 KAWALAN PENGURUSAN

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i)** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii)** Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Selain itu, pegawai yang menjalankan tugas pengurusan kewangan seperti menandatangani baucar bayaran hendaklah juga diwakilkan kuasa secara bertulis. Seksyen 15A(2) Akta Prosedur Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii)** Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv)** Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi

membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

b) Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja di setiap pejabat yang mengandungi 8 ciri asas disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan Mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

c) Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa dilantik, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii) Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam yang telah dilulus oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan keanggotaan UAD mencukupi serta mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

iii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Menteri Besar/Ketua Menteri/Ketua Jabatan hendaklah melantik Ahli Jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan, menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

iv) Jawatankuasa Tadbir Urus

Garis Panduan Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam oleh Ketua Setiausaha Negara melalui suratnya PM(S)17479/13 Jld. bertarikh 9 Mac 2007 menetapkan setiap Jabatan/Agensi menubuhkan satu Jawatankuasa Tadbir Urus (JTU) supaya dapat mempertingkatkan lagi kecekapan dan menambah baik prestasi sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam. Antara lainnya, garis panduan ini menetapkan Ketua Jabatan mempengerusikan mesyuarat, mengadakan mesyuarat sekali dalam setiap tiga (3) bulan dan berbincang perkara yang ditetapkan antara lain komitmen pengurusan kepada tadbir urus, hubungan dengan *stakeholder*, akauntabiliti kepada pihak luar, pematuhan kepada akauntabiliti dalaman, pengurusan strategik dan risiko serta pemantauan prestasi.

d) Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

10.2 KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

a) Penyediaan Bajet

Arahan Perbendaharaan Bilangan 29 hingga 46 menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 20 Tahun 2004 menetapkan bajet hendaklah dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri tidak lewat 31 Mei setiap tahun. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 14 Tahun 1994 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Dan Pengesanan Prestasi Perbelanjaan Tahunan Kerajaan Persekutuan) dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 2 Tahun 2005 iaitu mengenai Penyediaan Bajet Negeri 2006 dan 2007.

b) Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1992 menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis.

Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan/Bendahari Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Manakala perenggan 8, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 20 Tahun 1990 menetapkan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemas kini dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri/Ketua Eksekutif/Ahli Mesyuarat Majlis/Lembaga Pengarah Agensi berkenaan terlebih dahulu.

d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan Kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai. Impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi perbelanjaan mengurus, Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan laporan berkala kepada pihak berkuasa berkenaan.

e) Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

10.3 KAWALAN TERIMAAN

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

a) Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit, lesen, permit dan kupon adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan. Borang-borang ini hendaklah di rekod dengan teratur dalam Daftar Kawalan, disimpan di tempat yang selamat dan disemak secara berkala serta disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

b) Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan dan penyimpanan di pejabat, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

c) Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

e) Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

10.4 KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan

Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

a) Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1992 dan AP 95 serta yang berkaitan.

b) Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

c) Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan seperti berikut:

a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara Pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui Surat Pekeling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman dan Pendahuluan Diri/Pelbagai mengikut Pekeling/Surat Pekeling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i) Pinjaman Kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.

- ii) Pinjaman Komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii) Pendahuluan Diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- iv) Pendahuluan Pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

c) Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara Dan Pengurusan Akaun Deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR

Aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara berikut:

a) Kawalan Umum

Kerajaan Negeri, Jabatan dan Agensinya sedang dalam proses peralihan untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007. Oleh sebab itu, rekod-rekod pengurusan aset di Jabatan/Agensi Negeri sebahagian besarnya masih mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991. Kerajaan Negeri juga telah mengadakan kursus kepada pegawainya supaya memahami kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007. Mengikut pekeling ini Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

b) Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperolehi. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan

Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disedia, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

c) Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod

Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata Pembelian atau Penyata Kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e) Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan di rekod dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu diselenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

f) Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan di tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemas kini.

g) Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperolehi. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

10.7 PENGURUSAN PELABURAN

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu di selenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan, pemantauan pelaburan dan rekod-rekod pelaburan yang kemas kini.

10.8 PENGURUSAN PINJAMAN

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

10.9 PENYATA KEWANGAN


Keperluan penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Akta Kerajaan Tempatan 171/1976. Akta Badan Berkanun (Akta 240) menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata

Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 Jun setiap tahun. Ini membolehkan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Agensi Negeri di bentang di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

10.10 TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di semua Pejabat/Agensi yang diaudit pada tahun 2007 berada di tahap yang memuaskan. Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu mendapat 61 markah, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas mendapat 64 markah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri mendapat 61 markah, Jabatan Air Negeri mendapat 61 markah, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan mendapat 59 markah, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan mendapat 66 markah dan Majlis Daerah Bachok mendapat 54 markah. Tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 14**.

Carta 14
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi
Negeri Kelantan Bagi Tahun 2007



11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di semua Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasi pengurusan kewangan masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Agensi bukan sahaja mengambil tindakan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- a) Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati ada JPKA yang bermesyuarat tidak mengikut kekerapan yang telah ditetapkan. JPKA juga tidak

membincangkan secara mendalam isu-isu teguran dan Laporan Audit kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini. Bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, JPKA hendaklah memberi keutamaan dan penekanan yang lebih kepada isu teguran/Laporan Audit tersebut.

- b)** Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.
- c)** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, SUK/Pegawai Pengawal patut mengarahkan UAD menjalankan pengauditan di PTJ/Agensi yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya UAD bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan.
- d)** Pegawai Pengawal/Agensi perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan UAD mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e)** Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Agensi perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f)** Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/ membuat bayaran tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

BAHAGIAN V
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN
MAJLIS AGAMA ISLAM

12. PENDAHULUAN

Selain daripada mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pemerhatian Audit terhadap perkara yang diteliti telah dimaklumkan kepada Agensi yang terlibat dan hanya isu dan perkara penting dilaporkan dalam bahagian ini.

13. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri untuk memastikan segala akaun dan rekod kewangan diselenggarakan dengan betul dan tepat. Pada tahun 2007, sejumlah 21 Penyata Kewangan yang terdiri daripada 8 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, satu Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 12 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Majlis Daerah Pasir Puteh telah diaudit sendiri oleh Jabatan Audit Negara, manakala sejumlah 19 lagi Penyata Kewangan tersebut telah diaudit oleh 6 firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Ini adalah disebabkan oleh kekangan sumber manusia dan masa yang dihadapi oleh Jabatan Audit Negara untuk mengaudit kesemua Penyata Kewangan tersebut yang diterima pada masa yang lebih kurang sama. Pelantikan firma audit swasta itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

Pengauditan yang dijalankan oleh firma audit swasta adalah dipantau oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan pengauditan diselesaikan mengikut tempoh dan piawai yang ditetapkan. Tempoh masa untuk menyiapkan pengauditan adalah mengikut saiz Agensi. Bagi akaun besar, tempoh masa yang diberikan adalah 3 bulan, akaun sederhana 2 bulan dan akaun kecil sebulan. Sekiranya pengauditan tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, firma audit swasta dikehendaki memohon perlanjutan tempoh pengauditan secara bertulis kepada Jabatan Audit Negara dengan mengemukakan sebab kelewatan. Sekiranya firma audit swasta gagal mematuhi syarat dalam kontrak atau arahan Jabatan Audit Negara, surat amaran akan dikemukakan dan tindakan boleh diambil

untuk menamatkan kontrak firma audit swasta tersebut. Secara keseluruhannya, khidmat yang diberikan oleh firma audit swasta adalah memuaskan.

14. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Keperluan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penyerahan Penyata Kewangan oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Majlis Agama Islam bagi Negeri Kelantan untuk diaudit adalah memuaskan. Semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri serta Majlis Agama Islam telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 kepada Ketua Audit Negara. Semua Penyata Kewangan tersebut telah diaudit dan telah diberikan sijil Ketua Audit Negara kecuali Penyata Kewangan Perbadanan Menteri Besar Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 yang diterima pada bulan Mei 2008 dan sedang diaudit. Bagi Penyata Kewangan tahun berakhir 31 Disember 2007, 3 Badan Berkanun Negeri dan 10 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan penyata Kewangan masing-masing setakat 30 Jun 2008. Kedudukan penyerahan dan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Kedudukan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri,
Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan
Sehingga 30 Jun 2008

Nama Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan		Tahun Penyata Kewangan		
		Telah Disahkan	Sedang Diaudit	Belum Diterima
Badan Berkanun Negeri				
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	2006	2007	-
2.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	2006	2007	-
3.	Yayasan Islam Kelantan	2006	-	2007
4.	Yayasan Kelantan Darulnaim	2006	-	2007
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	2006	-	2007
6.	Perbadanan Stadium Kelantan	2006	-	2007
7.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	2006	-	2007
8.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	2006	-	2007
9.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	2006	2007	-
10.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan*	-	2006	2007
Pihak Berkuasa Tempatan				
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu	2006	2007	-
2.	Majlis Daerah Ketereh	2006	-	2007
3.	Majlis Daerah Tumpat	2006	2007	-
4.	Majlis Daerah Pasir Mas	2006	2007	-
5.	Majlis Daerah Bachok	2006	2007	-
6.	Majlis Daerah Machang	2006	2007	-
7.	Majlis Daerah Pasir Puteh	2006	2007	-
8.	Majlis Daerah Tanah Merah	2006	2007	-
9.	Majlis Daerah Kuala Krai	2006	-	2007
10.	Majlis Daerah Dabong	2006	2007	-
11.	Majlis Daerah Jeli	2006	2007	-
12.	Majlis Daerah Gua Musang	2006	2007	-

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Nota : *Pada tahun 2007 Jabatan Audit Negara memutuskan pengauditan Penyata Kewangan Perbadanan Menteri Besar bermula dengan Penyata Kewangan Tahun 2006

15. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2006

Sijil Berteguran yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara telah menyentuh mengenai perkara berkenaan kelemahan penyelenggaraan rekod perakaunan. Ianya merupakan tanggungjawab utama Akauntan/Pegawai Perakaunan sesebuah Agensi manakala Lembaga Pengarah dan Pengarah secara keseluruhannya bertanggungjawab menentukan rekod berkenaan diselenggarakan dengan lengkap dan teratur. Pihak Audit telah mengeluarkan Sijil Berteguran dan Laporan Ketua Audit Negara terhadap Penyata Kewangan kepada beberapa Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah tidak menyelenggarakan rekod perakaunan dengan teratur, mengakaunkan dengan betul beberapa urus niaga yang matan dan tidak mengaplikasikan piawaian perakaunan dengan betul.

Agensi yang telah diberi teguran kerana tidak menyelenggarakan rekod perakaunan dengan teratur adalah terdiri daripada Yayasan Islam Kelantan, Yayasan Kelantan Darulnaim, Majlis Daerah Tanah Merah dan Majlis Daerah Pasir Mas. Manakala Agensi yang ditegur kerana tidak mengakaunkan dengan betul urus niaga yang matan adalah Yayasan Kelantan Darulnaim, Yayasan Islam Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan, Majlis Daerah Kuala Krai, Majlis Daerah Tanah Merah dan Majlis Daerah Tumpat. Selain itu, terdapat Agensi yang telah diberikan Sijil Berteguran dan Laporan Ketua Audit Negara terhadap Penyata Kewangan kerana tidak mengaplikasikan piawaian perakaunan dengan betul iaitu Yayasan Kelantan Darulnaim.

Sehingga 30 Jun 2008, sejumlah 21 Penyata Kewangan tahun 2006 iaitu 8 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan dan 3 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri tahun 2005 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara. Berdasarkan jumlah tersebut, sejumlah 15 akaun telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 9 Sijil Berteguran. Kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara bagi pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Kedudukan Jenis Sijil Yang Dikeluarkan
Bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri,
Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan
Sehingga 30 Jun 2008

Agensi		Tahun Akaun	Jenis Sijil
Badan Berkanun Negeri/ Majlis Agama Islam			
1.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	2005 2006	Tanpa Teguran Berteguran
2.	Yayasan Kelantan Darulnaim	2005 2006	Berteguran Berteguran
3.	Perbadanan Stadium Kelantan	2006	Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	2005 2006	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
5.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	2006	Tanpa Teguran
6.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	2006	Tanpa Teguran
7.	Yayasan Islam Kelantan	2006	Berteguran
8.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	2006	Tanpa Teguran
9.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	2006	Berteguran
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu	2006	Tanpa Teguran
2.	Majlis Daerah Keteroh	2006	Tanpa Teguran
3.	Majlis Daerah Tumpat	2006	Berteguran
4.	Majlis Daerah Pasir Mas	2006	Berteguran
5.	Majlis Daerah Bachok	2006	Tanpa Teguran
6.	Majlis Daerah Pasir Puteh	2006	Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Machang	2006	Tanpa Teguran
8.	Majlis Daerah Tanah Merah	2006	Berteguran
9.	Majlis Daerah Kuala Krai	2006	Berteguran
10.	Majlis Daerah Dabong	2006	Tanpa Teguran
11.	Majlis Daerah Jeli	2006	Tanpa Teguran
12.	Majlis Daerah Gua Musang	2006	Tanpa Teguran

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

16. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa Penyata Kewangan Agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu salinan Penyata Kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, sejumlah 4 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah disahkan belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Penyata Kewangan yang belum dibentangkan sehingga 15 Julai 2008 adalah seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Penyata Kewangan Yang Telah Disahkan Tetapi Belum
Dibentangkan Di Dewan Undangan Negeri
Sehingga 15 Julai 2008

Nama Penyata		Tahun	Tarikh Disahkan
1.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	2003 2006	09.01.05 16.01.08
2.	Yayasan Islam Kelantan	2006	29.11.07
3.	Yayasan Kelantan Darulnaim	2003	08.08.05

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

17. PRESTASI KEWANGAN

Analisis Audit terhadap prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:

17.1 BADAN BERKANUN NEGERI

Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap Penyata Pendapatan Badan Berkanun Negeri bagi tahun kewangan 2006 mendapati 5 Agensi telah mencatatkan surplus berbanding dengan 4 Agensi lain yang telah mencatatkan defisit. Lima Agensi yang mencatatkan surplus sejumlah antara RM0.04 juta hingga RM20.82 juta dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan mencatatkan jumlah surplus terbesar bagi tahun kewangan 2006. Manakala 4 Agensi yang mencatatkan defisit sejumlah antara RM0.07 juta hingga RM0.29 juta dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan mencatatkan jumlah defisit terbesar bagi tahun kewangan 2006.

Analisis Audit terhadap Lembaran Imbangan Badan Berkanun Negeri pula mendapati Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Yayasan Kelantan Darulnaim dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah mencatatkan nilai harta bersih semasa yang tinggi iaitu masing-masing berjumlah RM89.42 juta, RM20.78 juta dan RM16.99 juta. Bagaimanapun, Yayasan Islam Kelantan dan Perbadanan Stadium Kelantan telah mencatatkan liabiliti semasa bersih masing-masing berjumlah RM6.01 juta dan RM0.08 juta. Kedudukan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006 (RM Juta)			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006 (RM Juta)		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	232.39	211.57	20.82	261.86	172.44	89.42
2.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	2.99	3.09	(0.10)	0.30	0.02	0.28
3.	Yayasan Islam Kelantan	64.46	61.43	3.03	7.41	13.42	(6.01)
4.	Yayasan Kelantan Darulnaim	12.67	12.86	(0.19)	37.48	16.70	20.78
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	1.75	2.04	(0.29)	0.28	0.26	0.02
6.	Perbadanan Stadium Kelantan	0.66	0.62	0.04	2.05	2.13	(0.08)
7.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	1.63	1.70	(0.07)	0.20	0.02	0.18
8.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	49.97	39.59	10.38	21.35	4.36	16.99
9.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	0.58*	0.24**	0.34	0.18	0.01	0.17

Sumber : Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2006

Nota : * Penerimaan ; **Pembayaran

17.2 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Analisis Audit terhadap Penyata Pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 2006 mendapati sebanyak 7 Pihak Berkuasa Tempatan mencatatkan surplus manakala 5 buah lagi mengalami defisit. Daripada 7 Pihak Berkuasa Tempatan yang mencatatkan surplus, adalah didapati Majlis Perbandaran Kota Bharu mencatatkan surplus yang tertinggi berjumlah RM2.19 juta. Manakala Majlis Daerah Gua Musang pula memperoleh surplus yang terendah iaitu berjumlah RM0.08 juta. Daripada 5 buah Pihak Berkuasa Tempatan yang mengalami defisit pula, Majlis Daerah Pasir Puteh mengalami defisit yang paling tinggi berbanding Pihak Berkuasa Tempatan lain bagi tahun 2006 iaitu berjumlah RM0.49 juta.

Manakala analisis Audit terhadap Lembaran Imbangan Pihak Berkuasa Tempatan mendapati sejumlah 11 buah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai nilai aset semasa bersih dari RM1.55 juta hingga RM7.47 juta. Majlis Perbandaran Kota Bharu mempunyai nilai aset semasa bersih tertinggi iaitu berjumlah RM7.47 juta manakala Majlis Daerah Jeli mencatatkan nilai aset semasa bersih yang terendah iaitu RM1.55 juta berbanding Pihak Berkuasa Tempatan yang lain. Manakala hanya Majlis Daerah Kuala Krai sahaja yang mengalami liabiliti semasa bersih iaitu berjumlah RM1.69 juta. Kedudukan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Nama PBT	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006 (RM Juta)			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006 (RM Juta)		
		Hasil	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih
1.	MPKB	44.64	42.45	2.19	32.32	24.85	7.47
2.	MD Ketereh	4.81	5.18	(0.37)	6.01	1.97	4.04
3.	MD Pasir Mas	7.85	5.77	2.08	9.39	5.15	4.24
4.	MD Pasir Puteh	3.60	4.09	(0.49)	3.15	1.37	1.78
5.	MD Machang	4.10	3.42	0.68	4.55	0.60	3.95
6.	MD Gua Musang	3.91	3.83	0.08	3.80	1.45	2.35
7.	MD Tanah Merah	4.99	4.63	0.36	4.97	1.33	3.64
8.	MD Bachok	3.62	3.06	0.56	4.58	0.86	3.72
9.	MD Kuala Krai	4.41	3.18	1.23	3.93	5.62	(1.69)
10.	MD Dabong	1.52	1.72	(0.20)	1.99	0.28	1.71
11.	MD Tumpat	7.27	7.54	(0.27)	6.85	3.05	3.80
12.	MD Jeli	1.49	1.63	(0.14)	1.70	0.15	1.55

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2006

Hasil daripada cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, cukai taksiran tidak dapat dikutip sepenuhnya dan menjadi tertunggak sejak beberapa tahun. Sehingga akhir tahun 2006, keseluruhan tunggakan cukai taksiran bagi 12 Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah RM38.85 juta iaitu peningkatan sejumlah RM0.72 juta berbanding dengan tunggakan setakat akhir tahun 2005 yang berjumlah RM38.13 juta. Dari segi *trend* jumlah tunggakan cukai taksiran sepanjang tempoh 4 tahun bermula iaitu tahun 2003, 2004, 2005 dan 2006 menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun iaitu masing-masing mencatatkan jumlah tunggakan cukai taksiran berjumlah RM30.76 juta, RM34.65 juta, RM38.13 juta dan RM38.85 juta. Selain itu, Majlis Perbandaran Kota Bharu mencatatkan jumlah tunggakan yang tertinggi sepanjang tempoh analisis audit tunggakan cukai taksiran bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan bagi tempoh 4 tahun adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Analisis Tunggakan Cukai Taksiran Dari
Tahun 2003 Hingga 2006

Bil.	Nama PBT	Tunggakan Cukai Taksiran (RM Juta)			
		Tahun 2003	Tahun 2004	Tahun 2005	Tahun 2006
1.	MP Kota Bharu	17.25	19.97	22.42	21.83
2.	MD Pasir Mas	2.33	2.31	2.44	2.50
3.	MD Tanah Merah	2.55	2.77	2.99	3.21
4.	MD Machang	2.26	2.56	2.85	3.16
5.	MD Bachok	1.64	1.76	1.89	2.21
6.	MD Kuala Krai	1.25	1.35	1.43	1.46
7.	MD Tumpat	1.73	1.92	2.01	2.18
8.	MD Pasir Puteh	0.71	0.83	0.90	0.99
9.	MD Ketereh	0.51	0.54	0.58	0.59
10.	MD Gua Musang	0.42	0.50	0.47	0.55
11.	MD Jeli	0.05	0.06	0.06	0.05
12.	MD Dabong	0.06	0.08	0.09	0.12
Jumlah		30.76	34.65	38.13	38.85

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

18. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah memuaskan. Semua penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah terkini. Bagaimanapun, jenis sijil dan pembentangan Penyata Kewangan di Dewan Undangan Negeri adalah kurang memuaskan. Agensi yang berkaitan hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan Penyata Kewangan mendapat sijil bersih dan membentangkannya ke Dewan Undangan Negeri adalah yang terkini.

BAHAGIAN VI
TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

19. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini seperti berikut:

19.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 YANG MASIH BELUM SELESAI

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
1. PERBENDAHARAAN NEGERI			
10.2.1	28 Jabatan lewat mengemukakan Akaun Tunai Bulanan antara 1 hingga 4 bulan.	Lawatan ke Pejabat Pemungut Hasil telah diadakan dengan lebih kerap lagi khususnya bagi Jabatan yang sentiasa lewat mengemukakan Akaun Tunai Bulanan.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.2.4	Jabatan Qadhi Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Machang dan Tumpat tidak mengemukakan Penyata Penyesuaian, 3 Jabatan tidak mengemukakan bagi bulan tertentu manakala 11 Jabatan lewat mengemukakan antara 2 hingga 4 bulan kecuali Jabatan Pertanian yang lewat antara 4 hingga 8 bulan.	Lawatan ke Jabatan yang bermasalah lebih kerap dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.2.5	1 cek bernilai RM25,000 melibatkan Penyata Pemungut bertarikh 24 Januari 2006 belum diganti.	Penggantian cek telah dibuat secara bayaran tunai pada 6 November 2007 melalui Penyata Pemungut C0012146.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
10.3.3(c)	Pengairan Dan Saliran (Mekanikal) dan (Machang) tidak mengemukakan pengesahan dan penyesuaian bagi bulan-bulan tertentu. Manakala 12 Jabatan lewat mengemukakan pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan antara 2 hingga 9 bulan.	Pemantauan telah dilaksanakan dengan memanggil Jabatan yang bermasalah serta lawatan yang lebih kerap telah diadakan.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.3.3 (f)	Pada tahun 2006, sebanyak 297 baucar bernilai RM1.16 juta diluluskan pembayaran di bawah AP 58(a). Pada umumnya pembayaran melalui AP 58(a) ini tidak mematuhi peraturan. Sebahagian besar Baucar Bayaran dijelaskan melalui peruntukan tahun semasa kerana peruntukan tahun yang kena dibayar telah habis dibelanjakan.	Tindakan telah diambil bagi memastikan Baucar Bayaran dijelaskan pada tahun semasa. Semua Jabatan telah diberi peringatan berbelanja mengikut jumlah peruntukan yang telah disediakan dan tidak menyalahgunakan kaedah AP58(a).	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.3.3 (g)	Sebanyak 184 baucar bernilai RM2.68 juta antara bulan Januari hingga Disember 2006 belum dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri oleh 10 Jabatan Kebajikan Masyarakat Jajahan.	Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diarah mengemalikan baucar tersebut dengan segera kepada Perbendaharaan Negeri dan ianya masih lagi dalam proses penyelesaian.	Belum selesai. Bagaimanapun Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.3.3 (h)	37 baucar Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu berjumlah RM374,237, 11 baucar Jabatan Pertanian berjumlah RM517,155 dan 98 baucar Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan berjumlah RM1.65 juta adalah terdiri daripada perbelanjaan bagi bulan April hingga November 2006.	Peringatan telah diberi kepada semua Jabatan agar menjelaskan bil mengikut tempoh dan penyelesaian AKB hanya melibatkan bil bagi bulan Disember sahaja. Pemantauan akan dilakukan agar perkara ini dapat diatasi.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.4.1	Pinjaman Projek Takdir (Pinjaman 1899 MA) berjumlah RM6.41 juta dan pinjaman Projek Bekalan Air (Pinjaman 283 MAL) (Penjadualan Semula) berjumlah RM24 juta belum dikemukakan surat perjanjian berkenaan untuk pengesahan Audit.	Pinjaman untuk Projek Takdir telah dibuat permohonan penjadualan semula dengan Kementerian Kewangan pada bulan Ogos 2007 tetapi masih belum mendapat jawapan.	Belum selesai. Bagaimanapun Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
10.4.1 (a)	Kerajaan Negeri tidak membuat bayaran mengikut anuiti yang ditetapkan sebagaimana dalam perjanjian bagi pinjaman Penjadualan Semula Bekalan Air, Penjadualan Semula Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Penjadualan Semula Projek Sektor Pelbagai dan Pinjaman Membiayai Masalah Y2K.	Pembayaran telah dibuat bagi pinjaman membiayai masalah Y2K melalui baucar nombor 980 bertarikh 9 Ogos 2007 sebanyak RM600,000.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
10.5.1	Saham Amanah Bank Islam berjumlah RM500,000 tidak mendatangkan pulangan sejak tahun 2001.	Saham Amanah Bank Islam telah dijual balik dengan harga RM0.2643 kepada BIMB Unit Trust Management Berhad melalui cek bernombor 347126 berjumlah RM134,793 pada 01 April 2008.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
10.5.2	Dividen yang dikenakan cukai oleh LHDN berjumlah RM91,581 belum dituntut daripada Petronas Dagang Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd.	Tindakan telah diambil dengan menghubungi pihak berkenaan bagi menyelesaikan tuntutan tersebut.	Belum selesai. Bagaimanapun Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.5.4	Tuntutan bayaran balik dividen dari LHDN untuk tahun 2004 dan 2005 berjumlah RM158,177 belum lagi diperoleh manakala bagi tahun 2006 yang berjumlah RM148,284 dalam proses tuntutan.	Tuntutan untuk tahun 2004 telah pun telah selesai manakala bagi tahun 2005 pembayaran hanya dibuat sebahagian sahaja.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.6.3	14 peminjam telah melampauai usia 65 tahun belum selesai pinjamannya.	Bahagian Pinjaman Perumahan ADUN telah memastikan bayaran balik baki pinjaman akan selesai tidak melebihi 65 tahun.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
10.6.4 (a)	Baki tunggakan pinjaman pada tahun 2006 berjumlah RM190,146 melibatkan 20 peminjam. Tunggakan ini melibatkan 17 peminjam yang telah bersara dan berhenti manakala 3 peminjam telah meninggal dunia.	Terdapat 20 peminjam yang masih berbaki dan seorang peminjam telah menjelaskan baki berjumlah RM33,333.30 dan seorang peminjam lagi telah menjelaskan secara ansuran.	Belum selesai. Bagaimanapun Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
10.6.4 (b)	Baki pinjaman bagi 5 peminjam yang bertukar ke Jabatan Persekutuan berjumlah RM33,706 belum diselesaikan. Manakala 9 peminjam yang bertukar ke Jabatan Negeri dengan potongan berjumlah RM106,232 belum dibayar balik oleh Perbendaharaan Negeri kepada Jabatan Persekutuan.	Terdapat 9 peminjam yang bertukar daripada Jabatan Persekutuan ke Jabatan Negeri. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah mengambil alih 7 peminjam manakala 2 peminjam lagi belum mendapat pengesahan mengenai bakinya. 6 peminjam yang bertukar dari Jabatan Negeri ke Jabatan Persekutuan, sehingga sekarang hanya seorang peminjam telah diambil alih.	Belum selesai. Bagaimanapun Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan
10.6.5 (a)	Sehingga akhir tahun 2006 sejumlah RM59,462 Pendahuluan Diri belum lagi diselaraskan. Jumlah ini termasuk RM34,419 baki tahun terdahulu yang dikeluarkan atas nama beberapa orang pegawai.	Pihak Perbendaharaan telah memberi amaran keras kepada Jabatan yang tidak mengikut peraturan dan telah memberi peringatan semula tentang Tatacara Pendahuluan Diri dan pelarasan akan dibuat melalui potongan gaji pegawai berkenaan sekiranya tiada jalan penyelesaian. Bagi penama di atas, proses penyelesaian sedang dilaksanakan.	Belum selesai. Bagaimanapun Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.6.5 (b)	Sebanyak 11 Pendahuluan Diri berjumlah RM529,690 oleh 11 pegawai awam telah lewat diselaraskan antara 3 hingga 7 bulan.	Pihak Perbendaharaan telah memberi amaran keras kepada Jabatan yang tidak mengikut peraturan. Surat peringatan telah dikeluarkan kepada semua peminjam.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
10.6.5 (c)	Sebanyak 11 Pendahuluan Diri berjumlah RM182,000 bagi 2 pegawai telah diluluskan walaupun pendahuluan terdahulu belum lagi diselesaikan.	Tindakan menurut peraturan 4.1.1(ii) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1/2001 telah diambil. Bagaimanapun bagi kes tertentu kelulusan Pendahuluan Diri tidak dapat dielakkan memandangkan pegawai tersebut telah dipertanggungjawabkan berdasarkan jawatan yang disandang menjalankan tugas tersebut.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
10.6.5 (d)	Sebanyak 108 Pendahuluan Diri berjumlah RM2.34 juta tidak sepatutnya dikenakan kepada Kumpulan Wang ini kerana ianya boleh dilakukan melalui prosedur biasa iaitu menggunakan peruntukan mengurus Jabatan berkenaan.	<p>Pendahuluan Diri dikeluarkan bagi menentukan kelancaran majlis rasmi Kerajaan Negeri seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jamuan makan dan pembelian hadiah adalah lebih murah dibeli pukal dan tunai. • Bayaran kepada Kumpulan Permainan Tradisional seperti dikir barat dan pesta wau. • Bayaran ini kebanyakannya dibayar kepada orang kampung atau peserta secara tunai/segera sebagai hadiah, pesta sukan rakyat yang mana ianya sukar menggunakan pesanan tempatan. 	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.6.5 (e)	Sebanyak 33 Pendahuluan Diri berjumlah RM912,224 telah diselaraskan melalui koding 42999 iaitu Pemberian Dan Bantuan Lain. Berdasarkan butiran perbelanjaan, koding yang sepatutnya dicajkan adalah di bawah 29000 iaitu Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Lain Yang Dibeli & Hospitaliti.	Pejabat ini telah membuat semakan dan memastikan setiap transaksi akan dipertanggungjawabkan kepada koding yang sebenar.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.6.6 (a)	Tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM6,771 belum diselesaikan yang melibatkan 2 peminjam yang telah berhenti dan bersara pilihan sejak Februari 1997 dan September 2001.	Sehingga kini, Pejabat ini masih belum mendapat maklum balas daripada peminjam dan penjaminnya walaupun sering kali mengambil tindakan susulan dengan menghubungi peminjam tersebut.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.6.6 (b)	Baki pinjaman berjumlah RM7,083 bagi 2 peminjam yang bertukar ke Jabatan Persekutuan belum diselesaikan. Manakala 2 peminjam yang bertukar ke Jabatan Negeri dengan potongan berjumlah RM3,169 belum dibayar balik oleh Perbendaharaan	Setakat ini, hanya seorang peminjam sahaja yang telah selesai diambil alih. Sehubungan dengan itu pihak Perbendaharaan masih lagi tidak dapat menyelesaikan kes 2 peminjam yang bertukar dari Jabatan Persekutuan ke Jabatan Negeri kerana	Belum selesai. Pejabat hendaklah meneruskan tindakan susulan dengan pihak yang berkenaan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	Negeri kepada Jabatan Persekutuan.	belum mendapat maklum balas daripada Jabatan masing-masing.	
10.6.13 (a)	Deposit Am yang dipegang oleh semua 10 Pejabat Tanah Dan Jajahan, JKR, PTG dan Jabatan Perikanan Negeri Kelantan antara 1 hingga 10 tahun berjumlah RM159.17 juta melibatkan 41,389 akaun, 11 hingga 15 tahun berjumlah RM9.79 juta melibatkan 25,701 akaun, 16 hingga 20 tahun berjumlah RM6.83 juta melibatkan 26,394 akaun dan melebihi 20 tahun berjumlah RM5.92 juta melibatkan 21,007 akaun.	Tindakan yang pro-aktif telah diambil bagi mengatasi masalah ini dengan memanggil setiap Jabatan yang berkenaan untuk mengatasi masalah berkenaan.	Belum selesai. Bagaimanapun Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
10.6.13 (b)	JHEAIK lewat mengemukakan pengesahan dan penyesuaian bagi Laporan Amanah bulan-bulan tertentu antara 2 hingga 6 bulan manakala 7 Jabatan adalah antara 2 hingga 3 bulan.	Pejabat Perbendaharaan telah mengambil tindakan dan menghantar surat peringatan serta ulangannya kepada JHEAIK agar mengemukakan pengesahan tepat pada masanya. Pemantauan akan turut juga diadakan ke atas Jabatan lain dari semasa ke semasa.	Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
2. PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KUALA KRAI			
16.1.2 (a)	Pejabat menyediakan MPK tidak seperti mana Arahan Pekeliling berkaitan.	Pejabat telah mengambil tindakan mengemas kini MPK.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.1.2 (b)	Empat FM Unit Hasil, 3 FM Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan dan 2 FM di Bahagian Pembangunan tidak lengkap dan kemas kini. Maklumat seperti senarai Undang-undang, senarai jawatankuasa yang dianggotai, senarai semak dan norma kerja didapati tidak terkandung dalam FM. Manakala seorang kakitangan di Unit Hasil tidak mempunyai FM.	Pejabat telah mengarahkan kakitangan berkenaan mengemaskinikan FM dan kakitangan yang berkenaan sedang diambil tindakan.	Belum selesai. Pejabat hendaklah mengemaskinikan FM.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
16.1.3	Sepanjang tahun 2006 Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat sebagaimana sepatutnya.	Pihak pejabat telah mengadakan mesyuarat JPKA. Pada tahun 2007 telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 25.9.2007 dan 17.12.2007.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.1.4	Semakan terhadap buku perkhidmatan bagi 10 kakitangan mendapati 6 daripadanya tidak menghadiri kursus sejak tahun 2004.	Pejabat telah mencalonkan nama kakitangan yang berkenaan untuk diberi kursus yang berkaitan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.2.1(a)	Semakan Audit terhadap 896 bil cukai tanah mendapati: i) Kadar bayaran cukai tanah bagi sawah padi terdiri daripada 2 kadar berbeza iaitu RM10 dan RM6 sehektar. ii) Terdapat kes pengiraan cukai tidak dapat disahkan kerana perkiraan keluasannya dan kadar menggunakan unit meter persegi dan hektar.	Pejabat telah membetulkan kadar bayaran dan saranan Audit telah dipatuhi.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.2.1 (c)	Pada tahun 2006 sebanyak 21 permohonan telah diterima dan belum diproses. Sejumlah 150 permohonan telah diterima bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2001 hingga tahun 2005 dan setakat ini hanya 10 lesen sahaja diluluskan termasuk 2 yang diluluskan dalam tahun 2006. Manakala 140 permohonan tidak dapat dikenal pasti status permohonan kerana tiada catatan di dalam Daftar LPS.	Pejabat mendapati bagi permohonan selebihnya ia tidak mendapat maklum balas dari pemohon dan tindakan telah diambil bagi menentukan status permohonan tersebut.	Pejabat hendaklah mempercepatkan proses kelulusan permohonan dan mengenal pasti status permohonan.
16.2.3	Tujuh buah Buku Docket Pemindahan Batu Batan, 4 buah buku Resit Kew.38 dan 15 buah Pas Penyembelihan lembu kerbau tidak direkodkan dalam daftar berkenaan.	Pejabat telah mengambil tindakan merekod ke daftar berkaitan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
16.2.6	Nombor resit tidak direkodkan dalam Daftar Mel dan tidak ada semakan terhadap daftar tersebut.	Pejabat telah merekodkan nombor resit dalam Daftar Mel bagaimanapun semakan belum dilakukan.	Belum selesai. Bagaimanapun Pejabat telah mengambil tindakan yang wajar dan hendaklah diteruskan.
16.2.7(b)	Purata pungutan wang harian bagi bulan Januari hingga November 2006 RM28,000 sehari dan ianya lewat dibankkan iaitu keesokan hari.	Pejabat telah mematuhi peraturan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.2.9	Rekod hasil seperti Senarai Terimaan Harian, Penyata Pemungut Bulanan dan Penyata Pemungut Tahunan tidak di tandatangan oleh Pegawai.	Pejabat telah mematuhi teguran Audit dan pegawai yang bertanggungjawab telah menandatangani senarai berkaitan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.2.10	Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan dan pemeriksaan tidak dilaksanakan.	Pejabat ini telah menyelenggara Daftar tersebut.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.2.11	Tunggakan hasil pada 31 Disember 2006 adalah RM7.20 juta yang terdiri RM3.10 juta tunggakan cukai tanah dan RM4.10 juta tunggakan denda. Pejabat telah mengambil tindakan memungut tunggakan tetapi tidak berkesan yang mana ada tunggakan melebihi 10 tahun.	Pejabat telah mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan Notis 6A dan sesetengah pemilik telah menjelaskan tunggakan.	Tindakan mengutip tunggakan hendaklah diteruskan sehingga tunggakan selesai.
16.2.12	SPHT mendapati keratan bil tidak mencatat keluasan dan kegunaan tanah, tidak dapat membuat pengiraan jumlah cukai yang dikenakan dan tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai rujukan dokumen sokongan. Dengan demikian pengesahan terhadap kutipan selain daripada cukai tanah tidak dapat dibuat dan sistem ini tidak boleh disepadukan dengan sistem SPTB.	Pejabat belum mengambil tindakan berkenaan kelemahan berbangkit.	Pejabat hendaklah memaklumkan kelemahan sistem SPHT kepada pihak berkenaan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
16.3	Ruangan peruntukan asal, rizab, tanggungan belum selesai dan liabiliti belum selesai tidak direkodkan dalam SPEKS	Pejabat telah mengemas kini maklumat dalam SPEKS.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.3.1	Pegawai eksekutif yang menandatangani Pesanan Tempatan tidak diberi kuasa secara bertulis.	Pejabat belum menyediakan surat perwakilan kuasa kepada pegawai.	Surat perwakilan kuasa secara bertulis hendaklah diberikan kepada pegawai.
16.3.1 (c) dan (d)	Terdapat bil yang diterima tidak didaftarkan lewat dibayar.	Pejabat telah mendaftarkan bil dalam Daftar Bil dan telah membuat bayaran kepada pembekal berkenaan dalam tahun kewangan semasa.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.4.1	Penyelenggaraan akaun deposit tidak kemas kini dan tidak betul yang mana baki awal tahun deposit tidak di rekod, sejumlah RM8,764.30 Baucar Bayaran dan sejumlah RM138,897 Baucar Jurnal tidak direkodkan dalam Akaun Kawalan Lejar.	Pejabat belum mengambil tindakan memperbetulkan kesilapan.	Pejabat hendaklah menyemak dan memperbetulkan rekod deposit.
16.4.3 & 16.4.4	Penyata Penyesuaian Akaun Deposit tidak kemas kini dan tidak betul iaitu sejumlah RM2,548.50 Baucar Bayaran bagi bulan Februari 2006 telah dilaraskan ke bulan Januari 2006 dan sejumlah RM25,000 terimaan deposit yang telah diakaunkan oleh Bendahari Negeri masih ditolak daripada baki rekod Jabatan. Selain itu Pejabat tidak menyediakan senarai baki individu.	Pejabat telah mengambil tindakan memperbetulkan kesilapan merekod dan menyediakan penyata penyesuaian yang baru. Pejabat juga telah menyediakan senarai baki individu dan mengemukakan kepada pihak berkenaan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.5.1	Daftar Harta Modal (Kew. 312) tidak kemas kini. Maklumat mengenai penempatan harta modal dan nombor pendaftaran tidak direkod. Selain itu, daftar ini juga tidak ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.	Pejabat belum mematuhi teguran Audit dan tindakan sedang diambil bagi merekod Daftar Harta Modal dan menandatangani (kew. 3.12).	Daftar Harta Modal hendaklah dikemaskinikan.
16.5.2	Daftar Inventori (Kew. 313) tidak diselenggara dengan kemas kini yang mana	Pejabat belum mengambil tindakan lanjut mengemas kini butiran dalam Daftar	Daftar Inventori hendaklah dikemaskinikan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	nombor hak milik dan lokasi inventori telah tidak direkod.	Inventori (Kew. 313).	
16.5.4 (c)	Buku Log tidak dikemas kini iaitu tidak merekodkan jarak perjalanan (kilometer), pegawai yang mengguna dan meluluskan penggunaan kenderaan tidak menandatangani Buku Log. Buku Log tidak diceraikan salinan asalnya dan empat buah Buku Log tidak mencatat penggunaan bahan api.	Pejabat telah mematuhi peraturan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.5.4 (d)	Kad inden dan kad kenderaan disimpan oleh pemandu.	Pejabat telah mengambil tindakan dan kad inden disimpan oleh pegawai berkenaan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
16.5.5 (a) dan (b)	Kesemua harta modal yang diperoleh pada tahun 2006 tidak mempunyai tanda "Hak Milik Kerajaan" dan nombor siri pendaftaran Jabatan dan 27 buah harta modal tidak direkod dalam Daftar Kew. 312.	Pejabat belum menandakan "Hak Milik Kerajaan" dan mendaftar harta modal dengan nombor siri pendaftaran.	Semua harta kerajaan hendaklah dikawal dengan sempurna dengan menandakan Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.
16.5.6	Pejabat tidak melaksanakan pemeriksaan tahunan terhadap harta modal dan inventori.	Pejabat belum mengambil tindakan membuat pemeriksaan fizikal mengikut prosedur yang ditetapkan.	Pemeriksaan berkala hendaklah dilaksanakan terhadap aset jabatan.
16.5.7	Dua unit komputer dan satu unit <i>printer</i> yang dibekalkan oleh PTG. tidak digunakan sejak setahun yang lalu tidak dikembalikan kepada pihak berkenaan.	Pejabat telah mengenal pasti peralatan tersebut dan telah menggunakan semula berikutan pertambahan pegawai di Bahagian Pendaftaran dan tindakan bagi mengembalikan ke PTG telah dibatalkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
3. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM KELANTAN			
21.1.2	Jabatan tidak mengemas kini MPK dan FM serta tidak mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA).	MPK dan FM telah dikemas kini. Manakala mesyuarat JKPA telah diadakan mengikut kehendak pekeliling.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
21.2.2	Beberapa peraturan kawalan hasil tidak dipatuhi seperti semakan harian antara Buku Tunai dengan resit tidak dibuat, pemeriksaan mengejut terhadap wang	Penerimaan wang dan penyelenggaraan rekod oleh 2 orang pegawai yang berasingan, semakan harian antara Buku Tunai dan resit telah dilaksanakan, pegawai	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	tunai dan barang berharga di Pejabat tidak dilaksanakan dan Penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil tidak dibuat dengan betul dan kemas kini.	yang menerima wang telah di keluarkan surat kebenaran secara bertulis, pemeriksaan mengejut terhadap semua wang dan barang berharga telah dilakukan, Penyata Penyesuaian Hasil telah disediakan dengan betul dan kemas kini dan kebenaran khusus telah diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil.	
21.3.2	Beberapa peraturan berkaitan kawalan perbelanjaan tidak dipatuhi iaitu transaksi di Buku Vot tidak ditandatangani dan disemak oleh pegawai penyelia, surat kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang menandatangani Pesanan Tempatan, Pejabat tidak menyelenggara Daftar Bil dan terdapat bil yang lewat dibayar.	Buku Vot telah disemak oleh pegawai bertanggungjawab, pegawai yang menandatangani Pesanan Tempatan diberi kuasa secara bertulis, Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab serta maklumat di salinan peniaga Pesanan Tempatan telah dilengkapkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
21.4.2	Surat Cara atau Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Program Pusat Pembangunan Keluarga Islam Dan Pusat Pembangunan Sosial tidak dikemukakan kepada pihak Audit semasa pemeriksaan. Manakala rekod kewangan Akaun Amanah tersebut didapati tidak lengkap dan kemas kini.	Pejabat belum dapat mengemukakan Arahan Amanah kepada pihak Audit dan belum dapat mengemas kini buku serta rekod amanah.	Pejabat hendaklah mengemukakan Arahan berkenaan untuk penelitian pihak Audit dan mengemas kini rekod tersebut.
21.5.2	Pengurusan aset tidak memuaskan yang mana beberapa peraturan tidak dipatuhi seperti daftar tidak kemas kini, pemeriksaan fizikal terhadap aset tidak dilaksanakan, tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan' tidak dilekatkan pada aset Kerajaan, aset rosak/usang atau tidak diperlukan lagi belum dilupuskan dan penyelenggaraan Buku Log tidak kemas kini.	Pejabat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran Audit. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal terhadap aset dan Buku Log tidak diambil tindakan.	Pejabat hendaklah melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap aset dan Buku Log dengan segera.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
4. JABATAN PERIKANAN NEGERI KELANTAN			
21.5.2	Pengurusan aset kurang memuaskan kerana Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori tidak dikemas kini, pemeriksaan fizikal tidak dijalankan dan Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap.	Pejabat sedang mengemas kini rekod daftar berkenaan.	Tindakan segera hendaklah diambil untuk mengemas kini daftar berkenaan.
5. YAYASAN KELANTAN DARULNAIM			
35.1.5	12 daripada 23 orang kakitangan tidak pernah menghadiri kursus bagi tempoh 3 tahun (2004-2006), manakala 7 orang lagi pernah menghadiri kursus sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tersebut.	Pada tahun 2007 seramai 25 orang telah hadir berkursus.	Selesai. Bagaimanapun bilangan hari berkursus perlu mematuhi kehendak pekeliling.
35.2.11 (c)	Tunggakan hasil sewaan berjumlah RM0.36 juta pada akhir tahun 2006. Tempoh tunggakan antara 2-39 bulan.	Yayasan telah mengambil langkah iaitu : a)Menghantar surat peringatan kepada penyewa yang mempunyai jumlah tunggakan sewa yang besar. b)Memperbaharui surat perjanjian sewa yang telah tamat tempoh c)Mengemaskinikan fail penyewa. d)Pada tahun 2007 tunggakan hasil sewa adalah berjumlah RM0.39 juta.	Belum selesai. Tunggakan sewa meningkat kepada RM0.39 juta pada tahun 2007.
35.4.2 (c)	Pelaburan dalam Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu mencatatkan kerugian setiap tahun bagi tempoh 2003 – 2005.	Pada keseluruhannya prestasi syarikat pada tahun 2006 masih mengalami kerugian berjumlah RM3.80 juta.	Yayasan hendaklah mengkaji sebab-sebab kerugian dan menyusun semula pengurusan syarikat.
35.5	Pinjaman daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM1.0 juta masih berbaki RM0.7 juta walau pun tempoh bayaran balik telah tamat.	Penjadualan semula pinjaman telah dihantar kepada Perbendaharaan Negeri pada 13/3/2007 dan sehingga bulan Januari 2008 Yayasan telah membuat bayaran ansuran kali keempat.	Tindakan diambil adalah emuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
35.6.2 (d)	Tunggakan Pinjaman Pelajaran berjumlah RM12.33 juta pada tahun 2006 iaitu RM4.92 juta bagi 2,202 orang belajar dalam negara manakala RM7.41 juta bagi 1,846 orang belajar luar negara.	Yayasan telah dan sedang melaksanakan beberapa tindakan seperti mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam, bersemuka dengan peminjam dan penjamin, memberi pilihan bayaran sekali gus atau ansuran, tindakan undang-undang dan melantik agen bayaran balik (BSN). Tindakan ini telah dapat mencapai kutipan 88.6% dari sasaran bayaran balik iaitu RM1.8 juta.	Tindakan diambil adalah memuaskan dan usaha yang lebih berkesan hendaklah diambil supaya baki tunggakan pinjaman berkurangan.
6. PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH KETEREH			
39.1.2 & 39.1.3	MPK, FM dan Senarai Tugas tidak lengkap.	Majlis telah mengemas kini MPK, FM dan Senarai Tugas.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.1.3	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak ditubuhkan.	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan pada 25 April 2007 dan telah mengadakan mesyuaratnya pada tarikh itu.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.1	Tiada Pusingan Kerja Kewangan.	Dalam perancangan Majlis.	Majlis hendaklah mengadakan pusingan kerja kewangan.
39.2.2	Tiada tandatangan dan cop pada helaian pertama buku resit.	Telah dilaksanakan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.4	Daftar Mel tidak kemas kini.	Telah di selenggara pada 9 Januari 2007.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.5(b)	Penggunaan resit tidak rasmi bagi pungutan luar oleh Unit Penguat kuasa.	Semua pegawai di Bahagian Penguatkuasa tidak dibenarkan menggunakan resit tidak rasmi berkuat kuasa serta-merta.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.5(c)	Serahan wang ke bank tidak selamat.	Pegawai Penguatkuasa telah diarahkan untuk mengiringi Pembantu Tadbir Kewangan ke bank.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.5(d)	Peti Besi tidak dilekat ke dinding.	Majlis memaklumkan tidak sesuai untuk dilekatkan ke dinding.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
39.2.6(a)	Tiada semakan dan tandatangan ringkas pada laporan harian hasil dan perbelanjaan.	Semakan dan tandatangan ringkas telah dibuat sebagaimana peraturan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.6(b)	Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan dan tiada daftar.	Daftar telah diselenggarakan dan pemeriksaan telah dilakukan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.7	Daftar Cek Tak Laku tidak di selenggara.	Daftar telah disediakan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.8	Tunggakan Hasil terutama Cukai Taksiran meningkat.	Pada Februari 2007 Majlis telah mengadakan OPS Cukai Taksiran dan telah berjaya mengutip sebahagian cukai tertunggak. OPS Cukai telah dibuat sepanjang tahun dengan mengutip dari rumah ke rumah.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.9 (c)	Perjanjian sewa pejabat, rumah kedai dan gerai tidak diperbaharui.	Pembaharuan perjanjian telah dilakukan secara berperingkat mengikut kawasan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.9(d)	Permohonan lesen lewat dikeluarkan dan Penolong Pegawai Kesihatan tidak mempunyai kuasa meluluskan pengeluaran lesen.	Lesen lewat dikeluarkan kerana terdapat 400 hingga 500 permohonan lesen bagi satu tahun serta permohonan yang tidak lengkap melambatkan proses kelulusan. Penurunan kuasa secara bertulis telah diturunkan oleh Ketua Jabatan kepada Penolong Pegawai Penguat kuasa.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.2.9(e)	Buku Stok Kompaun tidak dikeluarkan secara bersiri.	Telah disusun mengikut nombor siri.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.3.1	Pesanan Tempatan tidak ditanggungkan kepada Buku Vot.	Pesanan Tempatan telah ditanggungkan ke Buku Vot.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.3.2	Ruangan ' <i>Banyaknya Telah Diperiksa Dan Disahkan betul</i> ' pada Pesanan Tempatan tidak ditandatangani oleh pegawai.	Telah dilaksanakan oleh pegawai bertanggungjawab.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.3.3(a), (b),(c)	Daftar Bil tidak di selenggara dan bil lewat dibayar serta bil tidak di cop tarikh terima.	Telah di selenggara, bayaran segera telah dilaksanakan dan setiap bil yang diterima telah di cop.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
39.4.2	Pemaju tidak menjelaskan bayaran sejumlah RM100,000 sebaik sahaja kelulusan pelan bangunan.	Pemaju telah membayar baki RM100,000 pada 15 Oktober 2007.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.5.1	Invois pembelian dan resit rasmi tidak dikemukakan oleh peminjam bagi pendahuluan komputer.	Surat peringatan ulangan kepada peminjam telah dibuat.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.5.2(a) dan (b)	Pembiayaan melebihi harga kenderaan bagi pendahuluan kenderaan dan salinan Insurans Komprehensif tidak dikemukakan.	Perbezaan amaun dan salinan Insurans Komprehensif telah dituntut dari peminjam.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.6.1 dan 39.6.2(a)	Pembelian Aset dan Inventori tidak direkodkan dalam daftar dan tandatangan pegawai tidak diturunkan.	Majlis telah mengemas kini Daftar Harta Modal dan Inventori bagi tahun 2007 dan tandatangan pegawai telah diturunkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.6.3 dan 39.6.4	Aset tidak di tanda nombor pendaftaran dan Pemeriksaan Tahunan tidak dibuat.	Telah dilaksanakan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.6.5(a), (b) dan (c)	Buku Log kenderaan tidak dikemas kini, penggunaan helaian baru bagi permulaan bulan tidak dilakukan dan keratan salinan asal Buku Log tidak diceraikan.	Pemandu dan Ketua Bahagian telah dinasihatkan supaya menyelenggara dan mengurus Buku Log kenderaan di bawah tanggungjawab masing-masing dan Majlis akan mengadakan kursus secara dalaman untuk semua pemandu pada tahun 2008 dan perkara ini akan ditekankan dalam modul kursus.	Tindakan diambil adalah memuaskan. Bagaimanapun semakan pegawai kanan hendaklah dilakukan terhadap rekod berkenaan.
39.6.5(d)	Kad Inden dipegang oleh pemandu dan buku rekod pergerakan kad tidak diselenggarakan.	Majlis telah mengarahkan Ketua Pembantu Tadbir menyimpan dan mengawal pergerakan Kad Inden.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
39.6.6	Beberapa aset dan inventori tidak diambil tindakan pelupusan.	Telah diambil tindakan pelupusan pada 5 November 2007.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

**19.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2005 YANG MASIH BELUM SELESAI**

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
1. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN			
15.5	Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Daftar Harta Modal dan Buku Vot tidak lengkap.	Pejabat telah mengemas kini Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Daftar Harta Modal dan Buku Vot.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
2. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TUMPAT			
15.4	Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Daftar Harta Modal, Daftar Inventori dan Buku Vot tidak lengkap. Manakala pemeriksaan tahunan terhadap Harta Modal tidak dilakukan.	Pejabat telah mengemas kini Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Daftar Harta Modal dan Buku Vot. Manakala pemeriksaan tahunan terhadap harta modal belum lagi dibuat.	Selesai, kecuali pemeriksaan tahunan terhadap harta modal hendaklah dilakukan.

BAHAGIAN VII
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

20. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006 mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri telah pun dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2007.

21. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kelantan (Jawatankuasa) telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 dan 2005. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 dan 2005 telah dibentang di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2007. Sepanjang tahun 2007 dan sehingga bulan Mei 2008, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak 4 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 dan 2005. Selain itu, Jawatankuasa juga telah memanggil beberapa Jabatan yang berkaitan bagi mendapatkan taklimat selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2007 hingga Mei 2008 adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri
Sepanjang Tahun 2007 Hingga Mei 2008

Tarikh	Perkara	Jabatan/Agensi
14 Januari 2007	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2007</p> <p>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan hasil daripada pemeriksaan terhadap Program Pembangunan Industri Buah-buahan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.</p> <p>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Projek Pembinaan Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan.</p>	Yayasan Islam Kelantan
23 Januari 2007	<p>i) Sambungan pemeriksaan Jawatankuasa mendapatkan keterangan daripada Perunding Projek Yayasan Islam Kelantan terhadap Projek Pembinaan Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan.</p>	<p>i) Yayasan Islam Kelantan</p> <p>ii) Perunding Yayasan Rekajati Arkitek Syukri Arkitek</p>
12 Februari 2007	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2007</p> <p>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan hasil daripada pemeriksaan terhadap Projek Pembinaan Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan.</p> <p>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Pengurusan Bekalan Air Jabatan Bekalan Air Kelantan.</p>	Jabatan Bekalan Air Kelantan
18 Mac 2007	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2007</p> <p>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan pemeriksaan Jawatankuasa ke atas Yayasan Islam Kelantan (Pengesyoran Jawatankuasa).</p> <p>ii) Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil pemeriksaan ke atas Jabatan Bekalan Air Kelantan mengenai Pengurusan Bekalan Air.</p> <p>iii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Perbadanan Stadium Kelantan mengenai Pengurusan Stadium Sultan Muhammed Ke IV</p>	Perbadanan Stadium Kelantan
29 April 2007	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2007</p> <p>i) Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan ke atas pengurusan Stadium Sultan Muhammed Ke IV.</p> <p>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Program Pengairan Dan Saliran untuk Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran Kelantan.</p>	Jabatan Pengairan Dan Saliran Kelantan
22 Mei 2007	Taklimat mengenai Isu pembukaan tanah dan pembalakan di tanah tinggi Lojing Gua Musang oleh Jabatan Perhutanan Kelantan dan Jabatan Alam Sekitar Kelantan	<p>i) Jabatan Perhutanan Kelantan</p> <p>ii) Jabatan Alam Sekitar Kelantan</p>

PENUTUP

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Akaun Awam dan pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 2007 telah menunjukkan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri di tahap yang memuaskan namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai, mematuhi standard perakaunan dan prosedur kewangan, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

2 Julai 2008



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2007.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'A' followed by a long horizontal stroke.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

2 Julai 2008

**Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember 2007**

Penyata	Nota	2007 RM	2006 RM
WANG AWAM			
A WANG TUNAI		7,778,298.94	4,284,054.00
B PELABURAN		29,331,300.00	34,131,320.00
		<u>37,109,598.94</u>	<u>38,415,374.00</u>
DIPEGANG BAGI :			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN		(326,337,235.31)	(332,565,662.05)
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN		0.00	0.00
E AKAUN AMANAH DISATUKAN		363,446,834.25	370,981,036.05
		<u>37,109,598.94</u>	<u>38,415,374.00</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.


(DATO' HAJI SHKORI BIN MOHAMED)
Pegawa Kewangan Negeri Kelantan

22 April 2008


(YUSOF ZAKI BIN HAJI ISMAIL)
Bendahari Negeri Kelantan

22 April 2008

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2007**

	RM	RM
TERIMAAN		
<u>HASIL</u>		
HASIL CUKAI	63,625,048	
HASIL BUKAN CUKAI	231,457,315	
TERIMAAN BUKAN HASIL	<u>147,763,707</u>	442,846,070
 <u>KUMPULANWANG PEMBANGUNAN</u>		
PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL BAHAGIAN II	26,529,198	
PEMBERIAN TAHAP EKONOMI, INFRASTRUKTUR DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT	28,087,054	
PINJAMAN BEKALAN AIR	<u>23,353,344</u>	77,969,596
 <u>LAIN-LAIN</u>		
AMANAH	81,032,589	81,032,589
JUMLAH TERIMAAN		<u>601,848,256</u>
 BAYARAN		
<u>PERBELANJAAN MENGURUS</u>		
EMOLUMEN	106,960,218	
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	74,291,781	
ASET	36,452,981	
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	217,571,484	
LAIN-LAIN PERBELANJAAN	<u>1,341,179</u>	436,617,644
 <u>PEMBANGUNAN</u>		
LANGSUNG	138,383,023	
PINJAMAN	23,353,344	
		<u>161,736,367</u>
JUMLAH BAYARAN		<u>598,354,011</u>
TAMBAHAN / (KURANGAN) WANG TUNAI		<u>3,494,245</u>
WANG TUNAI PADA 01 JANUARI 2007		<u>4,284,054</u>
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2007		<u><u>7,778,299</u></u>

**Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember 2007**

Penyata	Nota	2007 RM	2006 RM
F ASET			
1 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	18	617,377,512.42	598,893,492.82
2 PELABURAN		107,697,149.00	180,113,323.00
3 TUNGGAKAN HASIL	8	65,594,620.69	68,028,799.83
		<u>790,669,282.11</u>	<u>847,035,615.65</u>
G TANGGUNGAN			
1 HUTANG AWAM	19	<u>958,668,324.32</u>	<u>940,065,521.12</u>

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

(DATO' HAJI SHKORI BIN MOHAMED)
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

22 April 2008

(YUSOF ZAKI BIN HAJI ISMAIL)
Bendahari Negeri Kelantan

22 April 2008

C Penyata Akaun Hasil Disatukan seperti pada 31 Disember 2007

Perihal	2007			2006	
	Belanjawan	Sebenar	% Belanjawan	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM		RM	
BAKI PADA 1 JANUARI		(332,565,662.05)		(241,971,600.96)	
I HASIL					
Hasil Cukai	88,941,492.00	63,625,047.81	71.54	47,678,684.78	63.31
Hasil Bukan Cukai	187,629,744.00	231,457,315.01	123.36	113,318,371.39	82.81
Terimaan Bukan Hasil	150,904,050.00	147,763,707.43	97.92	82,346,315.64	66.13
Jumlah Hasil	427,475,286.00	442,846,070.25	103.60	243,343,371.81	72.28
II PERBELANJAAN					
Emolumen	114,138,882.60	106,960,217.79	93.71	97,726,979.66	93.03
Perkhidmatan Dan Bekalan	81,012,624.20	74,291,761.42	91.70	66,069,055.43	96.16
Aset	40,821,553.60	36,452,980.68	89.30	37,176,733.95	97.19
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	249,112,668.30	217,571,484.37	87.34	132,337,124.21	66.77
Perbelanjaan Lain	3,017,005.10	1,341,179.25	44.45	627,539.65	20.39
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	488,102,733.80	436,617,643.51	89.45	333,937,432.90	80.80
Lebihan/(Defisit) Bagi Tahun (I - II)	(60,627,447.80)	6,228,426.74		(90,594,061.09)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(326,337,235.31)		(332,565,662.05)	

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

Nota Kepada Akaun Awam Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007
(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam Negeri Kelantan dan perlu dibaca bersama dengannya)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING

1. Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim Sebagai Entiti Perakaunan

Sebagai entiti perakaunan, Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim tetapi tidak termasuk Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Syarikat Milik Kerajaan.

2. Kumpulanwang Negeri Disatukan

Mengikut kehendak Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972), tiga akaun berasingan diselenggarakan di bawah Kumpulanwang Negeri Disatukan iaitu :-

- 2.1. Akaun Hasil Disatukan, yang ke dalamnya hasil Kerajaan dibayar dan darinya perbelanjaan mengurus dilakukan;
- 2.2. Akaun Amanah Disatukan, yang di bawahnya segala terimaan dan bayaran Kumpulanwang Amanah Kerajaan dan wang yang diterima oleh Kerajaan untuk maksud tertentu diakaunkan;
- 2.3. Akaun Pinjaman Disatukan, yang mengakaunkan semua penerimaan pinjaman dan pembayaran dibuat termasuk kepada Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan serta Syarikat Milik Kerajaan.

3. Akaun Memorandum

Akaun Memorandum mengakaunkan aset dan tanggungan Kerajaan yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulanwang Disatukan. Ia tidak disertakan dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan dalam Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Akaun Awam Negeri Kelantan terdiri dari penyata yang berkaitan dengan aset seperti Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Pelaburan (Penyata F2) dan Tunggakan Hasil (Penyata F3) serta penyata yang berkaitan dengan tanggungan seperti Hutang Awam (Penyata G1).

Nota Kepada Akaun Awam Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

4. Konsep Asas

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada dua konsep seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu :-

- 4.1. Konsep Kumpulanwang Negeri Disatukan yang berpunca dari keperluan bahawa segala hasil dan wang yang didapatkan atau diterima, kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil Agama Islam yang seumpamanya dibayar-masuk ke dalam kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Negeri Disatukan (Fasal 97); dan
- 4.2. Konsep bahawa tiada wang, kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104).

5. Dasar Perakaunan

Dasar urusniaga Kerajaan diakaunkan mengikut asas tunai, iaitu berasaskan terimaan dan bayaran, dengan ubahsuaian dalam Akaun Kena Bayar bagi membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun itu.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

7. Aset Dan Tanggungan

- 7.1. Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau di bina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan seperti hasil terakru dan pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan di dalam Lembaran Imbangan. Bagaimanapun, Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1) dan penyata terhadap Tunggakan Hasil (Penyata F3) disertakan dalam Akaun Memorandum.
- 7.2. Tuntutan kewangan atas Kerajaan yang belum diselesaikan pada penutup tahun tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Bagaimanapun, penyata mengenai hutang awam berkaitan dengan pinjaman yang diambil oleh Kerajaan (Penyata G1) dilaporkan dalam Akaun Memorandum.

Nota Kepada Akaun Awam Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

ASET

8. Wang Tunai Dan Pelaburan

Wang Tunai (Penyata A) dan Pelaburan (Penyata B) yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan terdiri dari lebih terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulanwang Disatukan. Bagaimanapun, pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi dalam Penyata Akaun Memorandum (Penyata F2).

AKAUN HASIL DISATUKAN

9. Hasil

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai. Hasil yang patut diterima tetapi belum sebenarnya diterima dalam tahun kewangan tidak dimasukkan-akaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan sebagai perbelanjaan.

10. Perbelanjaan

Semua kenaan kepada peruntukan Bajet bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diuntukkan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Badan-badan Berkanun melalui pemberian atau pinjaman dianggap sebagai perbelanjaan. Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

11. Perbelanjaan Tanggungan

Perbelanjaan tanggungan terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri. Ia termasuklah pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan bayaran balik hutang. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

Nota Kepada Akaun Awam Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

12. Akaun Pinjaman

Akaun Pinjaman menunjukkan jumlah pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa undang-undang Negeri. Perbelanjaan daripada akaun ini adalah terdiri daripada bayaran balik atau pinjaman balik kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri serta pindahan Kumpulanwang Pembangunan untuk tujuan perbelanjaan pembangunan.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

13. Kumpulanwang Pembangunan

Kumpulanwang Pembangunan, yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah. Terimaan kumpulanwang ini adalah terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Pertambahan Hasil dan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup, pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk maksud pembangunan, caruman daripada akaun hasil dan pemberian balik (imbuhbalik) oleh Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pembangunan. Wang dalam kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan.

14. Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Kumpulanwang Amanah Kerajaan ditubuhkan melalui satu enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, iaitu mengikut Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957. Penubuhan Kumpulanwang Amanah Kerajaan adalah untuk membolehkan Kerajaan menyalurkan peruntukan ke satu tabung untuk sesuatu tujuan. Kumpulanwang Amanah Kerajaan juga boleh dikreditkan dengan sumbangan daripada orang ramai dan pihak lain.

15. Akaun Kena Bayar

Baki Akaun Kena Bayar merupakan jumlah terhutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan yang bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun berikutnya.

Nota Kepada Akaun Awam Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

16. Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang Amanah Awam ditubuhkan mengikut Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada pihak lain termasuk organisasi dan orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan untuk tujuan-tujuan tertentu. Caruman peruntukan Kerajaan tidak boleh dibuat kepada Kumpulanwang Amanah Awam.

17. Akaun Deposit

Akaun Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian.

AKAUN MEMORANDUM

18. Pinjaman Boleh Dituntut

Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri yang mana sumber-sumber ini adalah terdiri daripada sumber Negeri dan sumber Persekutuan yang dipinjamkan balik oleh Kerajaan Negeri kepada agensi-agensi berkenaan.

19. Hutang Awam

Penyata Hutang Awam menunjukkan baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Ini termasuklah jumlah pinjaman yang diterima untuk dipinjamkan balik kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri serta untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan projek Perumahan Awam Kos Rendah.

20. Angka-Angka Bandingan

Angka-angka bandingan tertentu telah dikelaskan semula supaya menurut pembentangan tahun semasa.

GLOSARI AKRONIM

GLOSARI AKRONIM

GLOSARI AKRONIM

ABT	Akaun Belum Terima
AKB	Akaun Kena Bayar
AP	Arahan Perbendaharaan
BSN	Bank Simpanan Nasional
CIMB	Commerce International Merchant Bankers
FM	Fail Meja
JHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
JKP	Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan
JKR	Jabatan Kerjaraya
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun
JTU	Jawatankuasa Tadbir Urus
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MPK	Manual Prosedur Kerja
PPK	Piawaian Perakaunan Kerajaan
PPK 2	Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan
PTG	Pejabat Tanah Dan Galian
PTJ	Pusat Tanggungjawab
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
SPEKS	Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri
SPHT	Sistem Pungutan Hasil Tanah
SPTB	Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer
UAD	Unit Audit Dalam
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri